

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"KITA selaku hamba Allah, dituntut untuk muhasabah, sama ada kita telah menyempurnakan kewajipan atau tanggungjawab, terutama kewajipan menunaikan hak-hak Allah dan hak-hak kita sesama manusia".  
- Titah Sempena Awal Tahun Hijrah 1441.



Pelita  
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

قلبي في

مانيسش ايمان

MANISNYA IMAN

"KALAU LAH Kami turunkan Al-Quran ini ke atas sebuah gunung itu tunduk terpecah belah kerana takutkan Allah. Dan perumpamaan-perumpamaan itu Kami buat untuk manusia supaya mereka berfikir".  
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hasyr, ayat 21.

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4.42	4.52	6.15	6.39	12.12	3.34	6.06	7.21

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 65 / BILANGAN 146

5 DISEMBER 2020 / 1442 ربيع الآخر 19

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

"YA Allah, hanya Engkau jua tempat kami berindung, maka lindungilah kami, dari bahaya COVID-19, dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua Yang Maha Berhak untuk memberikan pengampunan. Aamiin Ya Rabbal Alamiin".

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada Isnin, 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.

# Seluruh negara mendoakan Al-Marhum DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam beserta paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berangkat ke Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahliil 40 Hari bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit (Lihat muka 2 hingga 5).

## Perutusan tahniah sempena Hari Kebangsaan Thailand



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia King Maha Vajiralongkorn Phra Vajiraklaochaoyuhua, Raja Thailand, kesemua ahli kerabat diraja, Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral Prayut Chan-o-cha (Bersara) serta kerajaan dan rakyat Thailand bersempena dengan Hari Kebangsaan Thailand.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada

Kebawah Duli Yang Maha Mulia King Maha Vajiralongkorn Phra Vajiraklaochaoyuhua, Raja Thailand, kesemua ahli kerabat diraja, Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral Prayut Chan-o-cha (Bersara) serta kerajaan dan rakyat Thailand bersempena dengan Hari Kebangsaan negara tersebut.

## STATISTIK TERKINI COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

JUMLAH KES JANGKITAN	JUMLAH KEMATIAN	JUMLAH KES YANG SEMBUH
151	3	147

Maklumat setakat 4 DISEMBER 2020, 12.00 tengah hari



BRUNEI DARUSSALAM  
2021

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH

InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam

infodept.bn infodept\_bn

# Seluruh negara mendoakan Al-Marhum DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim



Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 2 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka anakanda baginda berangkat ke Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahliil 40 Hari bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini, berangkat ke Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahliil 40 Hari bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, di sini.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Ke muka 3

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta paduka-paduka anakanda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel ketika berangkat ke Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahliil 40 Hari bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

## Dari Sidang Pengarang.

5 DISEMBER 2020 BERSAMAAN 1442 ربيع الآخر 19

### AMBIL LANGKAH CEGAH, KAWAL JANGKITAN HIV, AIDS

JANGKITAN HIV dan penyakit AIDS adalah satu epidemik yang wujud selama lebih daripada 30 tahun, dan salah satu penyakit berjangkit yang masih menjadi isu utama kesihatan awam di seluruh dunia.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), jangkitan HIV menjejaskan lebih dari 75 juta orang dan meragut lebih daripada 32 juta nyawa di seluruh dunia semenjak wabak tersebut bermula.

Pada 2019 terdapat 1.7 juta kes jangkitan HIV baharu dilaporkan dan dianggarkan seramai 38 juta orang hidup dengan jangkitan HIV ataupun People Living with HIV (PLHIV) serta 690 ribu kematian akibat AIDS dilaporkan.

Perkara tersebut antara yang dijelaskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar pada Sidang Media sempena Hari AIDS Sedunia 2020 anjuran Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam (NBD) bersama dengan Pusat Promosi Kesihatan dan Bahagian Kawalan Penyakit, Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar, Kementerian Kesihatan, yang juga diselenggarakan dengan Pelancaran Program Saringan HIV di Klinik Swasta yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Dengan kemajuan dalam bidang kesihatan dan perubahan masa kini, kadar jangkitan baharu HIV dan kematian akibat HIV semakin berkurangan. Menurut laporan dari Joint United Nations Program on AIDS/HIV, iaitu UNAIDS, jumlah jangkitan baharu HIV telah menurun sebanyak 23 peratus, iaitu daripada 2.1 juta pada 2010 kepada 1.7 juta pada 2019. Di samping itu juga, kematian akibat penyakit AIDS juga telah menurun sebanyak 39 peratus, iaitu dari 1.1 juta pada 2010 kepada 690 ribu pada 2019.

Sementara itu, di NBD, dari 1986 sehingga menjelang akhir 2019, seramai 289 orang disahkan dijangkiti HIV dalam kalangan warganegara dan penduduk tetap, dan daripada jumlah tersebut, seramai 218 (75 peratus) orang masih hidup dengan HIV. Manakala jumlah kes tertinggi dilaporkan adalah pada 2019, iaitu sebanyak 42 kes, di mana 98 peratus adalah terdiri daripada kaum lelaki dan majoriti daripada kes adalah mereka yang dalam lingkungan usia 20 ke 34 tahun.

Walaupun tidak ada rawatan khusus (cure) atau vaksin bagi jangkitan HIV, namun penghidap jangkitan HIV boleh dirawat menggunakan Anti-Retroviral Therapy (ART), di mana rawatan ini boleh membantu penghidap HIV untuk hidup lebih sihat dan meningkatkan jangka hayat mereka serta mengurangkan risiko penularan HIV, iaitu mencegah penghidap daripada menjangkiti HIV kepada orang lain.

Di negara kita, 85 peratus daripada penghidap HIV menerima rawatan ART dan dalam kalangan mereka yang menerima rawatan, 58 peratus berjaya dalam menyekat replikasi virus HIV di dalam badan ke tahap yang sangat rendah (viral suppression) sehingga mereka tidak mempunyai risiko untuk menjangkiti orang lain.

Sehubungan itu, sempena Hari AIDS Sedunia tahun ini, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Majlis AIDS NBD dan juga beberapa buah klinik swasta di negara ini akan mengendalikan Program Saringan HIV di Klinik Swasta iaitu program saringan bagi mengesan jangkitan HIV.

Ujian saringan tersebut dijalankan mulai daripada 3 Disember sehingga 31 Disember 2020 dan dibukakan kepada warganegara dan penduduk tetap NBD yang berumur 16 tahun ke atas.

Program tersebut bertujuan untuk mengembangluaskan lagi pengesanan jangkitan HIV dalam kalangan masyarakat bagi menggalakkan individu-individu yang mempunyai risiko jangkitan HIV untuk mendapatkan ujian HIV bagi pengesanan awal penyakit dan seterusnya mendapatkan rawatan yang sewajarnya, demi untuk menghalang penularan jangkitan HIV dan penyakit AIDS serta memperkukuhkan lagi pencegahan dan pengawalan jangkitan tersebut. - **Ketua Penyuntingan (RD)**

### RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
<b>BANDAR SERI BEGAWAN</b> 31 25 °C	<b>BANDAR SERI BEGAWAN</b> 32 25 °C	<b>BANDAR SERI BEGAWAN</b> 32 25 °C
<b>PEKAN BANGAR</b> 31 25 °C	<b>PEKAN BANGAR</b> 32 25 °C	<b>PEKAN BANGAR</b> 32 25 °C
<b>PEKAN TUTONG</b> 31 25 °C	<b>PEKAN TUTONG</b> 32 25 °C	<b>PEKAN TUTONG</b> 32 25 °C
<b>KUALA BELAIT</b> 31 25 °C	<b>KUALA BELAIT</b> 32 25 °C	<b>KUALA BELAIT</b> 32 25 °C

## WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi DISEMBER	HARI	Hijrah RABIULAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
5	SABTU	19	4.42	4.52	6.15	6.39	12.12	3.34	6.06	7.21
6	AHAD	20	4.43	4.53	6.16	6.40	12.12	3.34	6.07	7.21
7	ISNIN	21	4.43	4.53	6.16	6.40	12.13	3.35	6.07	7.22
8	SELASA	22	4.44	4.54	6.17	6.41	12.13	3.35	6.08	7.22
9	RABU	23	4.44	4.54	6.17	6.41	12.14	3.35	6.08	7.23
10	KHAMIS	24	4.44	4.54	6.18	6.42	12.14	3.36	6.08	7.23
11	JUMAAT	25	4.45	4.55	6.18	6.42	12.15	3.36	6.09	7.23

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

Walaupun Bissawab  
Jabatan Kaji-cuaca  
Brunei Darussalam  
www.mkt.gov.bn

Talian Cemas  
**114**

Brunei WX  
App

**TALIAN KECEMASAN** 991 | **POLIS** 993 | **BOMBA** 995 | **PENYELAMAT** 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

NDMC  
**123** | **2380214**



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda bersama jemaah menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib dan Sembahyang Sunat Hajat yang diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

**Dari muka 2**

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja dijunjung oleh Yang

Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri

Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato

Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri

Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; dan Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

**Ke muka 4**



KEBAWAH DYMM bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda menadah tangan ketika doa dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim.



JEMAAH menadah tangan ketika doa dibacakan pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil 40 Hari bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, yang diadakan di Jame' 'Asr Hassaniil Bolkihah (atas). Manakala gambar kanan, jemaah semasa menunaikan sembahyang.



KEBAWAH DYMM bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil 40 Hari bagi Al-Marhum DYTm Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim.

Dari muka 3

Atur cara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan Sembahyang

Sunat Hajat diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar, yang

kemudiannya memimpin bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil. Doa Tahlil dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti

Kerajaan. Majlis diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang

Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

Ke muka 5



KEBAWAH DYMM berserta paduka-paduka anakanda dan adinda baginda menyertai jemaah menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, yang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.



SUASANA Dewan Sembahyang Utama, Jame' 'Asr Hassaniil Bolkiaah ketika jemaah menadah tangan semasa doa dibacakan.



KEBAWAHA DYMM bersama paduka-paduka anakanda baginda ketika berangkat ke Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahliil 40 Hari bagi Al-Marhum DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim (atas). Manakala gambar kiri, baginda bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berangkat meninggalkan majlis.

**Dari muka 4**

Selain tumpuan utama di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahliil 40 Hari tersebut turut diadakan di masjid-masjid, surau-sarau dan balai-balai ibadat seluruh negara, dengan tumpuan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan; Masjid Hassanil Bolkiah, Kampung Mentiri; Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong;

Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop; Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong; Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun; Masjid Setia Ali, Pekan Muara; dan Masjid Perpindahan Lambak Kanan bagi Daerah Brunei dan Muara.

Manakala di Daerah Belait, majlis juga diadakan di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait; Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan; dan Masjid Pekan

Seria.

Di Daerah Tutong, majlis diadakan bertempat di Masjid Hassanil Bolkiah, Pekan Tutong; dan di Daerah Temburong pula, di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Al-Marhum DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim diputerakan pada Khamis, 8 Syawal 1402 Hijrah bersamaan 29 Julai 1982 Masihi, pada jam 1.30 pagi dan mangkat pada Sabtu, 7 Rabiulawal 1442H bersamaan 24 Oktober 2020M,

pada jam 10.08 pagi, dalam usia 38 tahun.

Semasa hayat, Al-Marhum DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim dikurniakan Bintang Kebesaran Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B.); Pingat Kehormatan, iaitu Pingat Hassanil Bolkiah Sultan (P.H.B.S.); dan Pingat Jubli Emas (Emas).

Pendidikan awal Al-Marhum DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim bermula di International School Brunei

dan melanjutkan pelajarannya ke Raffles Institution, Republik Singapura, seterusnya ke Oxford Brooke University, United Kingdom.

Al-Marhum DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim juga dikenali sebagai seorang putera yang berbudi pekerti dan bergiat aktif dalam pelbagai amal kebajikan, seperti kesenian, kebeliaan dan kesejahteraan, khususnya dalam sama-sama membantu golongan kelainan upaya dan autisme.



JEMAAH menadah tangan ketika doa dibacakan (atas, kiri). Manakala gambar atas, kehadiran jemaah turut mengisikan ruang luar dewan sembahyang Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah. Sementara gambar kiri, suasana jemaah sebelum masuk ke Dewan Sembahyang Utama dengan mematuhi SOP yang ditetapkan. Gambar bawah pula, jemaah turut diberikan Buku Khas Surah Yaa Siin dan Tahliil.



# Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil 40 Hari bagi Al-Marhum DYT M Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim

Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan

SUASANA Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil 40 Hari bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, ibu negara yang dihadiri oleh pegawai dan kakitangan kerajaan serta orang ramai (kanan dan bawah).

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 2 Disember. - Seluruh negara pada hari ini, berkumpul dan berhimpun di masjid-masjid utama bagi menzahirkan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil 40 Hari bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah yang berlangsung secara serentak di masjid-masjid, surau dan balai-balai ibadat seluruh negara

dengan tumpuan utama di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

Di Masjid Omar 'Ali Saifuddien,

ibu negara, lebih 1,000 jemputan hadir menyertai majlis berkenaan mewakili pegawai-pegawai kanan

kerajaan, pegawai-pegawai dan kakitangan di bawah Jabatan Perdana Menteri, Pasukan Polis

Diraja Brunei dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis didahului dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diimamkan oleh Pegawai Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang diikuti dengan Sembahyang Sunat Ba'diah Maghrib dan Sembahyang Sunat Hajat.

Bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil pula dipimpin oleh Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Mohammad Hasnat bin Haji Mohammad yang juga mengetuai bacaan Doa Tahlil.

Majlis diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah diimamkan oleh Pegawai Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran.

Perlaksanaan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil 40 Hari bagi Al-Marhum DYT M Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim adalah sebagaimana garis panduan (SOP) yang berjalan pada masa ini bagi menghadiri Sembahyang Fardu Jumaat Berjemaah di masjid, surau dan balai ibadat senegara.

Al-Marhum DYT M Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim diputerakan pada Khamis, 8 Syawal 1402 Hijrah bersamaan 29 Julai 1982 Masihi pada jam 1.30 pagi dan mangkat pada Sabtu, 7 Rabiulawal 1442H bersamaan 24 Oktober 2020M pada jam 10.08 pagi dalam usia 38 tahun.



SEBAHAGIAN jemaah perempuan yang hadir pada majlis berkenaan (kiri sekali dan kiri).

# Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil 40 Hari bagi Al-Marhum DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim

## Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



**MENTIRI**, Rabu, 2 Disember. - Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil 40 Hari bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah



**JEMAAH** Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri menadah tangan ketika doa dibacakan oleh Imam masjid, Awang Haji Samsul bin Haji Abdul Latiff pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil 40 Hari bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim (atas dan bawah kiri). Manakala gambar atas kiri, jemaah dikehendaki mengimbas Kod QR sebelum memasuki masjid berkenaan.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri, di sini.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diimamkan oleh Imam masjid, Awang Haji Samsul bin Haji Abdul Latiff yang juga mengimamkan Sembahyang Sunat Hajat. Jemaah turut mendirikan Sembahyang Sunat Ba'diah Maghrib.

Majlis kemudian diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil, dipimpin oleh Imam Masjid Hassanal Bolkiah, Awang Abdul Salam bin Salim.

Sementara itu, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pengiran Md. Sallehin bin Pengiran Tejudin mengetuai bacaan Doa Tahlil dan Doa Allah Peliharakan Sultan.

Majlis diakhiri dengan Sembahyang Isyak Berjemaah, diimamkan oleh Imam masjid,

Awang Haji Samsul.

Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim mangkat pada Sabtu, 7 Rabiulawal 1442H bersamaan 24 Oktober 2020M, pada jam 10.08 pagi, dalam usia 38 tahun.

Majlis berkenaan disertai oleh rombongan dari Kementerian Pendidikan; Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi; Pasukan Polis Diraja Brunei; Radio Televisyen Brunei; dan Jabatan Penerangan.

## Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun



**SEMBAHYANG** Fardu Maghrib Berjemaah diimamkan oleh Penolong Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Julazni bin Haji Zaini (atas). Manakala gambar kanan, jemaah wanita semasa bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Tahlil bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim di Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 2 Disember. - Tarikh 2 Disember 2020 genaplah 40 hari kemangkatan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Memperingati dukacita tersebut, rakyat dan penduduk beragama Islam di Negara Brunei Darussalam (NBD), petang tadi, secara beramai-ramai menghadirkan diri ke

masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara bagi Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil 40 Hari bagi Al-Marhum DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Majlis yang sama juga diadakan di Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun, di sini. Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diikuti dengan

Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin yang dipimpin oleh Penolong Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Julazni bin Haji Zaini.

Terdahulu, Azan Sembahyang Fardu Maghrib dikumandangkan oleh Marbut Masjid, Awang Md. Hanif bin Haji Kamis. Majlis diteruskan dengan bacaan Tahlil yang dipimpin oleh Awang Haji Abu Samah Shukri bin Haji Mohd. Hussein.

Sementara itu, bacaan Doa Tahlil dibacakan oleh Penolong Pegawai Hal Ehwal Masjid dan diikuti

Doa Allah Peliharakan Sultan dan NBD yang dibacakan Awang Haji Abu Samah Shukri.

Majlis diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah yang diimamkan oleh Penolong Pegawai Hal Ehwal Masjid. Pengagihan buku-buku Yaa Siin khas dilaksanakan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid.

Al-Marhum DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim yang berbudi pekerti dan bergiat aktif dalam pelbagai amal kebajikan seperti kesenian, kebelaian dan kesejahteraan,

terutama dalam sama-sama membantu golongan kelainan upaya.

Al-Marhum DYTM diputerakan pada Khamis, 8 Syawal 1402 Hijrah bersamaan 29 Julai 1982 Masihi dan mangkat pada Sabtu, 7 Rabiulawal 1442 Hijrah bersamaan 24 Oktober 2020 Masihi pada jam 10.08 pagi ketika berusia 38 tahun.

Pada majlis tersebut, turut dihadiri oleh pegawai dan kakitangan kerajaan antaranya dari Kementerian Kesihatan, Kementerian Tenaga dan Pasukan Polis Diraja Brunei.

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



# Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil 40 Hari bagi Al-Marhum DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim

Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong



Oleh : Dk. Siti Redzaimi  
Pg. Haji Ahmad  
Foto : Muhammad Asri Haji  
Awang Abas

bin Haji Jamaluddin, diikuti dengan Sembahyang Sunat Ba'diah Maghrib dan Sembahyang Sunat Hajat, diimamkan oleh Pemangku Bilal masjid, Awang Haji Muhd. Yadiy bin Haji Yussof.

Majlis berkenaan diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin, diketuai oleh Imam masjid, Awang Md. Amaluddin, diikuti dengan Tahlil, diketuai oleh Bilal masjid, Awang Haji Md. Hairol bin Haji Sani.

Sementara itu, Doa Tahlil dibacakan oleh Imam masjid, Awang Md. Amaluddin.

Majlis diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, diimamkan oleh Pemangku Bilal masjid, Awang Haji Muhd. Yadiy.

Majlis berkenaan turut disertai oleh rombongan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama; Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; dan Pasukan Polis Diraja Brunei.

Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim mangkat pada Sabtu, 7 Rabiulawal 1442H bersamaan 24 Oktober 2020M, pada jam 10.08 pagi, dalam usia 38 tahun.

SALAH sebuah masjid yang menjadi tumpuan di Daerah Brunei dan Muara, Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil 40 Hari bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah.

**JERUDONG, Rabu, 2 Disember.** - Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil 40 Hari bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah diadakan serentak di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara.

Antara masjid yang menjadi

tumpuan di Daerah Brunei dan Muara, Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong.

Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil 40 Hari tersebut dimulakan dengan Sembahyang

Fardu Maghrib Berjemaah, diimamkan oleh Imam masjid berkenaan, Awang Md. Amaluddin



SUASANA Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil 40 Hari bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim (atas). Manakala gambar atas kanan, jemaah wanita tidak ketinggalan turut hadir pada majlis tersebut. Sementara gambar kanan, jemaah turut diberikan Buku Khas Yaa Siin dan Tahlil.



# Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil 40 Hari bagi Al-Marhum DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim

## Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait



Oleh : Noraisah Haji Muhammed  
Foto : Hamzah Mohidin



**YANG** Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara; Pegawai Daerah Belait dan juga penduduk Daerah Belait semasa hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil 40 Hari bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait (atas kiri dan atas).

**KUALA BELAIT**, Rabu, 2 Disember. - Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil 40 Hari bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah diadakan serentak, di kesemua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara, hari ini.

Di Daerah Belait, majlis tertumpu di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait; Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan; dan Masjid Pekan Seria.

Majlis di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Akup bin Haji Lamat, diikuti dengan Sembahyang Sunat Ba'diah

Maghrib dan Sembahyang Sunat Hajat.

Sementara bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil, diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Daerah Belait selaku Penasihat, Awang Haji Haslan bin Haji Shahbudin.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang

Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput; dan Pegawai Daerah Belait, Awang Ramlee bin Haji Jamudin; juga penduduk di Daerah Belait.

Al-Marhum DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim diputerakan pada Khamis, 8 Syawal 1402 Hijrah bersamaan 29 Julai 1982 Masihi, pada

jam 1.30 pagi dan mangkat pada Sabtu, 7 Rabiulawal 1442H bersamaan 24 Oktober 2020M, pada jam 10.08 pagi, dalam usia 38 tahun.

Majlis berkenaan turut dihadiri oleh rombongan dari cawangan-cawangan jabatan di daerah berkenan, jemaah masjid dan penduduk sekitar.

## Masjid RPN Kampung Pandan, Kuala Belait

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman



**SEBAHAGIAN** jemaah semasa membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil pada majlis berkenaan.

**KUALA BELAIT**, Rabu, 2 Disember. - Hari ini, genaplah 40 hari kemangkatan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah. Sehubungan itu, Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil 40 Hari bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah diadakan secara serentak di seluruh negara dan termasuk di Daerah Belait.

Di Daerah Belait, majlis tersebut diadakan di Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan. Atur cara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid RPN Kampung Pandan, Awang Abdul Qayyum bin Haji Aminuddin, diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat.



**MASJID** Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan tidak ketinggalan mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil 40 Hari bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Tahlil dipimpin oleh Pemangku Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Mohammad Noorsuffian bin Haji Yahya. Majlis diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid RPN Kampung Pandan.

Al-Marhum DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim mangkat pada Sabtu, 7 Rabiulawal 1442 Hijrah bersamaan 24 Oktober

2020 Masihi pada jam 10.08 pagi ketika berusia 38 tahun.

Al-Marhum DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim mendapat pendidikan awal di International School Brunei dan kemudian melanjutkan pelajarannya ke Raffles Institution, Republik Singapura dan seterusnya ke Oxford Brookes University di United Kingdom.

Semasa hayatnya, Al-Marhum DYTM dikurniakan Bintang

Kebesaran Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B.); Pingat Kehormatan iaitu Pingat Hassanal Bolkiah Sultan (P.H.B.S.); dan Pingat Jubli Emas (Emas). Al-Marhum dikenali sebagai seorang putera yang berbudi pekerti dan bergiat aktif dalam pelbagai amal kebajikan seperti kesenian, kebelaian dan kesejahteraan, khususnya dalam sama-sama membantu golongan kelainan upaya.

# Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil 40 Hari bagi Al-Marhum DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim

## Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



JEMAAH perempuan yang turut menyertai majlis tersebut.



**MAJLIS** Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil 40 Hari bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong menjadi tumpuan rakyat dan penduduk di Daerah Tutong yang turut dihadiri oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Pemangku Pegawai Daerah Tutong.

**TUTONG**, Rabu, 2 Disember. - Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil 40 Hari bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah diadakan di masjid-masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara, hari ini.

Sehubungan itu, rakyat dan penduduk di Daerah Tutong

turut sama menyertai majlis berkenaan yang tertumpu di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, di sini.

Antara yang hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, Penghulu Mukim Tanjong Maya; Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, Penghulu Mukim Telisai; Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Md. Amirul Hadi bin Haji Md. Tajudin;

pegawai-pegawai kanan dan kakitangan kerajaan serta orang perseorangan.

Terdahulu, Sembahyang Fardu Maghrib dan Sembahyang Sunat Hajat diimamkan oleh Imam Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, Awang Sahibol Omar bin Haji Yusof.

Seterusnya bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil dipimpin oleh

Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong, Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong, Awang Masri bin Haji Mohammad dan bacaan Doa Tahlil diketuai oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong, Awang Haji Azman bin Haji Musa. Sembahyang Fardu Isyak pula diimamkan oleh Imam masjid

berkenaan.

Al-Marhum DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim diputerakan pada Khamis, 8 Syawal 1402 Hijrah bersamaan 29 Julai 1982 Masihi pada jam 1.30 pagi dan telah mangkat pada Sabtu, 7 Rabiulawal 1442H bersamaan 24 Oktober 2020M pada jam 10.08 pagi dalam usia 38 tahun.

## Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar

**TEMBURONG**, Rabu, 2 Disember. - Rakyat dan penduduk di Daerah Temburong juga turut sama menadah tangan merafakkan doa pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil 40 Hari bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah yang mangkat pada 24 Oktober lalu.

Majlis tersebut diadakan serentak di seluruh negara pada hari ini, di mana rakyat dan penduduk di Daerah Temburong berkumpul dan berhimpun di masjid tumpuan, iaitu di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong, di sini.

Hadir bersama-sama jemaah

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

yang lain ialah Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, Penghulu Mukim

Bokok serta pegawai-pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam, para pelatih Program Khidmat Bakti Negara dan penduduk daerah berkenaan.

Semasa majlis tersebut, bacaan Surah Yaa Siin dikepalai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah

Temburong, Awang Elde bin Haji Suhaile. Manakala Tahlil dan Doa Tahlil dipimpin oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, Awang Haji Jamil bin Haji Abd. Ghani.

Sementara itu, Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah serta Sembahyang Sunat Hajat diimamkan oleh Imam masjid berkenaan, Awang Norezam bin Zaini.



**YANG** Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, kakitangan Perkhidmatan Awam, para pelatih Program Khidmat Bakti Negara serta rakyat dan penduduk di Daerah Temburong sama-sama berdo'a pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil 40 Hari bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong (kiri dan kanan).

# NDMC raikan Penubuhannya Ke-14



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (tengah) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Membaca Ratib Al-Attas dan Doa Kesyukuran sempena Memperingati Penubuhan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) Ke-14 di Masjid Jefri Bolkia, Kampung Batong (atas), sementara gambar kanan, Yang Berhormat menyampaikan sumbangan wakaf berupa peralatan kegunaan masjid kepada Imam masjid berkenaan.

**BATONG**, Khamis, 3 Disember. Bencana Kebangsaan (NDMC) - Sempena Memperingati Ke-14, Majlis Membaca Ratib penubuhan Pusat Pengurusan Al-Attas dan Doa Kesyukuran

diadakan bertempat di Masjid Jefri Bolkia, Kampung Batong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Bacaan Ratib Al-Attas dan Doa Kesyukuran dipimpin oleh Imam masjid berkenaan, Awang Haji Md. Aduka bin Haji Abdul.

Majlis diselenggarakan dengan penyampaian sumbangan wakaf berupa peralatan kegunaan masjid daripada Yang Berhormat yang diterima oleh Imam masjid berkenaan.

Antara lain tujuan majlis diadakan ialah bagi sama-sama merafakkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala sempena Ulang Tahun Penubuhan NDMC Ke-14, iaitu pada 1 Ogos 2020.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohaimin bin Haji Johari @ Jahari, Pemangku Penghulu Mukim Pangkalan Batu dan Ketua Kampung Limau Manis; Setiausaha-setiausaha Tetap

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN; Ketua-ketua Jabatan; Ketua-ketua Kampung;

Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung termasuk Ahli Disaster Preparedness Coordinator (DPC), NDMC serta Ahli-ahli Takmir Masjid Jefri Bolkia.



# Tinjau beberapa kawasan dilanda banjir

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**TUTONG**, Khamis, 3 Disember. - Cuaca yang tidak menentu dan hujan lebat yang berterusan, di Negara Brunei Darussalam menyebabkan paras air naik, di kawasan pedalaman Daerah Tutong, khususnya di Kampung Benutan.

Kesan daripada paras air naik, di kawasan pedalaman itu juga menyebabkan beberapa buah kampung, iaitu Kampung Rambai, Kampung Kuala Ungar, Kampung Panchong, Kampung Bukit, Kampung Layong, Kampung Penapar, Kampung Tanjung Maya dan Kampung Lubok Pulau mengalami banjir disebabkan turunan air sungai dari kawasan pedalaman hingga menyebabkan beberapa buah rumah dimasuki air dan beberapa batang jalan raya tidak dapat dilalui oleh kenderaan biasa juga pacuan empat roda.

Sehubungan itu, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong selaku Pengerusi Majlis Bencana Kebangsaan; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful

Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin mengadakan lawatan ke Daerah Tutong bagi meninjau situasi banjir di daerah berkenaan.

Lawatan dimulakan dengan taklimat situasi banjir dan bantuan-bantuan yang dilaksanakan, bertempat di Pusat Kawalan Insiden di Balai Bomba Lamunin, disampaikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Md. Amirul Hadi bin Haji Md. Tajudin selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Tutong (DDMC), diteruskan dengan lawatan ke salah satu lokasi yang dilanda banjir, dengan menyusur Sungai Layong bagi meninjau keadaan paras air dan rumah-rumah terjejas banjir.

Ini diteruskan ke pusat penempatan sementara, di Dewan Kemasyarakatan Kampung Tanjung Maya dan Dewan Masjid Kampung Tanjung Maya, masing-masing menempatkan satu keluarga mangsa banjir.

Semasa lawatan ke pusat penempatan tersebut, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berkesempatan untuk berinteraksi bersama



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pengerusi Majlis Bencana Kebangsaan; dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mengadakan lawatan ke Daerah Tutong bagi meninjau situasi banjir di daerah berkenaan.

keluarga-keluarga berkenaan, seterusnya menyampaikan barang-barang bantuan kepada ketua keluarga.

Lawatan berakhir di dua buah rumah kediaman penduduk kampung yang dimasuki air di Kampung Lubok Pulau dan diselenggarakan dengan penyampaian bantuan catuan makanan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sejak kejadian hujan lebat berkenaan, Jawatankuasa DDMC telah membuat penyelarasan bantuan dan pemantauan bersama agensi-agensi keselamatan,

di Daerah Tutong dan pemimpin-pemimpin masyarakat, di kawasan kampung yang terjejas juga sentiasa dalam keadaan bersedia sedia dengan aset-aset bagi membantu penduduk kampung yang memerlukan.

Keadaan paras air banjir adalah masih dalam keadaan terkawal dan pemantauan paras air di beberapa batang jalan raya juga kawasan didapati mula berkurangan dan dapat dilalui oleh kenderaan pacuan empat roda.

Dalam hal ini, pihak Pasukan Polis Diraja Brunei juga sentiasa mengadakan rondaan di jalan-jalan kawasan banjir bagi memastikan keselamatan kenderaan penduduk-penduduk kampung yang diletakkan di bahu jalan. Selain itu, papan-papan tanda polis juga dipasang di sepanjang jalan yang dilanda banjir.

Selain itu, lima buah kenderaan pengangkutan daripada Batalion Kedua, Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB) ditempatkan, di lokasi-lokasi jalan terjejas, iaitu di Jalan Belunu Kampung Layong, Simpang Empat Kampung Panchong / Kuala Ungar / Rambai dan Jalan Sungai

Damit, Ukong bagi membantu penduduk kampung yang memerlukan.

Dalam kesempatan ini, pihak jabatan mengingatkan kepada penduduk-penduduk kampung dan orang ramai supaya akan sentiasa berwaspada juga mengambil langkah-langkah keselamatan semasa musim banjir ini dan sentiasa memantau anak-anak mereka supaya tidak bermain di kawasan banjir.

Pihak DDMC Daerah Tutong bersama Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung akan sentiasa membuat pemantauan mengenai perkembangan paras air banjir dari semasa ke semasa.

Hadir sama pada lawatan berkenaan, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN); Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap KHEDN dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS); Pegawai-pegawai Kanan KHEDN dan KKBS; juga Ahli-ahli NDMC, Daerah Tutong.



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pengerusi Majlis Bencana Kebangsaan (kanan); dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (tiga, kanan) menyampaikan bantuan catuan makanan di salah sebuah rumah kediaman penduduk kampung yang dimasuki air di Kampung Lubok Pulau.

# Tindakan aktif bantu keluarga terjejas

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pengerusi Majlis Bencana Kebangsaan semasa ditemu bual.

**TUTONG**, Khamis, 3 Disember. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menekankan, agar usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pembangunan dalam menangani banjir pada masa ini dan akan datang, di mana

jika projek-projek yang sedang berjalan ini akan selesai pembinaannya, maka ia diharapkan akan ada antaranya selesai pada tahun hadapan.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika ditemu bual Pelita Brunei semasa mengadakan lawatan ke Daerah Tutong bagi meninjau situasi banjir, seterusnya memaklumkan bahawa banjir di daerah tersebut bermula pada minggu lepas, iaitu pada 25 November 2020 hingga hari ini, melibatkan sebanyak 18 buah kawasan.

"Alhamdulillah, pada hari ini, saya dan semua pegawai dan kakitangan dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), khususnya Jabatan Daerah Tutong, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Jabatan Bomba dan Penyelamat juga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi sama-sama meninjau keadaan banjir di Daerah Tutong," ujarnya lagi.

Justeru itu, Yang Berhormat merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan

kepada agensi-agensi kerajaan yang membantu dalam menangani keadaan banjir tersebut, khususnya Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang menyediakan trak-trak untuk membawa penduduk kampung pergi bertugas ke tempat-tempat kerja mereka, begitu juga dengan kemudahan perahu.

Yang Berhormat menjelaskan lagi, keadaan banjir di Daerah Tutong ini adalah terkawal dengan kerjasama erat semua pihak dan agensi berkenaan.

"Dari penerangan yang diterima, bahawa paras air sudah mulai turun dan insyaaAllah jika sekiranya tidak ada hujan, maka air akan mengalir dari Kuala Sungai Tutong, mungkin dalam beberapa hari akan datang, keadaan parasnya akan berkurangan dan akan dapat memulihkan kehidupan penduduk-penduduk yang terjejas kepada kehidupan yang biasa," tambahnya.

Bukan itu sahaja, Pusat Bencana Kebangsaan Daerah (DDMC) katanya, telah mengambil tindakan aktif bagi membantu keluarga yang rumah mereka terjejas dengan banjir ini, iaitu dengan menempatkan mereka di Dewan Masjid Tanjong Maya dan Dewan Kemasyarakatan Tanjong Maya semasa bertemu bersama keluarga-keluarga tersebut, mereka juga berada dalam keadaan baik dan menerima bantuan dari

Jabatan Perkhidmatan Masyarakat, berupa sarapan pagi hingga ke makan malam.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat sekali lagi merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pembangunan, yang menghadiri lawatan hari ini, juga menghargai usaha yang ditunjukkan oleh Penghulu dan Ketua Kampung Tanjong Maya, yang mempunyai satu organisasi khusus dalam menangani bencana banjir yang mereka tunjukkan semasa kejadian banjir sebanyak dua kali.

Malahan mereka juga, mempunyai

persediaan-persediaan, bukan sahaja dari segi tenaga manusia, tetapi juga mempunyai aset-aset, seperti kenderaan pacuan empat roda, perahu-perahu dan tenaga sukarelawan yang dapat mereka kerahkan apabila diperlukan semasa kejadian banjir.

Dengan adanya organisasi di bawah Penghulu dan Ketua Kampung di mukim ini, ia lebih teratur juga semua keperluan ini dapat diaktifkan untuk menanganinya dan membantu pihak kerajaan dalam menghadapi banjir, khususnya di Tanjong Maya.

## 300 penghuni mangsa banjir terima bantuan

**TUTONG**, Khamis, 3 Disember. - Sebanyak 198 catuan diagih-agihkan kepada penghuni yang dibantu daripada empat buah mukim, iaitu Mukim Ukong, Lamunin, Tanjong Maya dan Rambai yang terjejas dengan banjir.

Daripada jumlah tersebut, lebih daripada 300 penghuni diberikan bantuan, di mana pihak Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) menghulurkan bantuan, dari aspek makanan asasi juga aspek lain, seperti lampin, susu dan peralatan kebersihan seharian kepada anak-anak mereka.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menggariskan perkara itu, dalam temu bual bersama Pelita Brunei pada lawatan bagi meninjau situasi banjir di Daerah Tutong.

Jelas Yang Berhormat, JAPEM juga menghulurkan bantuan daripada aspek tempat tidur bagi sebilangan yang telah dipindahkan ke dewan-dewan kemasyarakatan. Inilah bantuan-bantuan yang dihulurkan oleh pihak JAPEM, selain menyediakan *pack lunch* yang diberikan kepada mangsa-mangsa yang dipindahkan.

Dalam masa yang sama, katanya, lawatan ini adalah peluang untuk membantu mereka untuk dapat terus mengakses bantuan pihak JAPEM, dan dengan menilai permohonan kebajikan bulanan melalui Skim Kebajikan Negara (SKN), jika keluarga-keluarga yang terjejas belum membuat permohonan.

"*Kitani* melihat juga sebilangan keluarga-keluarga ini tidak mempunyai pekerjaan, maka ini adalah untuk dinilai oleh pihak JAPEM untuk mencari kerja-kerja



**YANG** Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa ditemu bual.

yang bersesuaian kepada mangsa-mangsa ini, *kitani* melihat ada keluarga ini tidak mempunyai pekerjaan, tetapi boleh bekerja dan insyaaAllah perkara ini akan dilihat oleh pihak JAPEM untuk menentukan mereka ini mendapat pendapatan dan *kitani* mengambil peluang dalam keadaan banjir ini untuk melihat dan menilai kesesuaian penduduk-penduduk kampung ini," tambah Yang Berhormat lagi.

Malahan, itulah usaha-usaha, tegasnya, yang diteruskan dan dilaksanakan dalam menangani banjir, di Daerah Tutong yang terjejas dengan banjir.

"Alhamdulillah, pada hari ini, kita dapat melawat ke kawasan-kawasan di Daerah Tutong, yang mengalami kebanjiran, yang bermula daripada minggu lepas dalam memberikan bantuan," ujarnya.

Oleh itu, pihak JAPEM melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), menurutnya, memberikan bantuan kepada mangsa-mangsa yang terlibat dalam keadaan banjir ini, bermula 25 November lalu.

## COVID-19 : 1 kes aktif dirawat

Siaran Akhbar dan Infografik :  
Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 4 Disember. - Negara Brunei Darussalam (NBD), alhamdulillah terus mencatatkan sifar kes baharu COVID-19, setakat jam 12.00 tengah hari ini.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di

negara ini masih kekal sebanyak 151 kes.

Dalam Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan memaklumkan, setakat ini, NBD mencatatkan 212 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan pada

6 Mei lalu.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 10 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan, satu lagi kes dilaporkan sembuh dan kini tinggal satu kes aktif dicatat mendapatkan rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan ketika ini, di mana ia menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini, seramai 147 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 475 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 8,884 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 164 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 77,993 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

### Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini		Jumlah Keseluruhan Kes		
0		151		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh	
1	1	3	147	

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (212 hari yang lalu)	10 Kes

### Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
475	8,884

### Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
164 sampel	77,993

# BDF 2020 dilancarkan



**YANG** Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa sesi bergambar ramai pada majlis tersebut (atas), manakala gambar atas kanan, Yang Berhormat menyaksikan pameran yang diadakan pada Brunei December Festival 2020 di Pusat Membeli-Belah, Times Square, Berakas.

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BERAKAS**, Khamis, 3 Disember. - Brunei December Festival (BDF) kini memasuki tahun yang keempat penganjurannya sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 2017.

Majlis Pelancaran BDF Edisi 2020 disempurnakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin

Apong selaku tetamu kehormat pada majlis yang diadakan di Pusat Membeli-Belah, Times Square, di sini.

Penganjuran BDF turut dijayakan dengan kerjasama kementerian - kementerian, perwakilan asing di Negara Brunei Darussalam (NBD), rakan strategik dan penganjur acara dengan tujuan untuk menyajikan

pelbagai acara dan aktiviti untuk masyarakat tempatan di sepanjang bulan Disember ini.

Pada majlis pelancaran tersebut, Yang Berhormat dan para tetamu yang hadir dipersembahkan dengan 12 persembahan bela diri yang antaranya meliputi Silat, Wushu, Karate, Tae kwan do, Judo, Kendo, Kempo, Hapkido, MMA, Muay Thai, Fencing dan Archery, di mana ia juga telah direkodkan di dalam buku rekod, iaitu 'The Brunei Book of Records'.

Turut menarik perhatian pada majlis tersebut ialah pameran yang



memaparkan pelbagai aktiviti dan acara yang telah diatur sepanjang BDF 2020 yang akan mengambil tempat di keempat-empat daerah.

Antara aktiviti tersebut ialah pesta makanan, pesta keagamaan, kebudayaan dan seni, riadah dan membeli-belah serta tidak ketinggalan juga aktiviti sukan.

Pameran tersebut turut dibuka kepada kunjungan orang ramai sehingga 6 Disember 2020.

Antara aktiviti menarik yang bakal diadakan sepanjang BDF 2020 ini ialah Karnival Shitoryu Karate and Martial Arts Open Day dan The Garden Rhapsodies dengan tema 'Winter Wonders' yang akan mengambil tempat di Jerudong Park.

Sepanjang penganjuran BDF, ia berjaya mencatatkan seramai 98,289 pengunjung dengan 35 acara pada 2017, diikuti dengan seramai 173,561 pengunjung pada

2018 dengan 50 acara dan terkini pada tahun 2019 seramai 200,822 pengunjung dengan 60 acara.

Sementara itu, sebagai langkah berjaga-jaga menangani pandemik COVID-19 di negara ini, seluruh penganjur acara juga diseru agar mematuhi langkah-langkah bagi mengawal pandemik tersebut.

Keterangan lanjut mengenai BDF 2020 boleh diperoleh dengan melayari [www.bruneitourism.com/bdf2020](http://www.bruneitourism.com/bdf2020) atau [www.brunei.events](http://www.brunei.events).

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad dan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Juga hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap, para Perwakilan Asing di NBD, Ahli Lembaga Pelancongan Brunei, rakan strategik dan penganjur acara.

# Manfaatkan kemudahan yang ada, bersama banteras AIDS

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

**BERAKAS**, Khamis, 3 Disember. - Jangkitan HIV dan penyakit AIDS adalah satu epidemik yang telah wujud selama lebih daripada 30 tahun, dan merupakan salah satu penyakit berjangkit yang masih menjadi isu utama kesihatan awam di seluruh dunia.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar pada Sidang Media sempena Hari AIDS Sedunia 2020 anjuran Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam (NBD) bersama dengan Pusat Promosi Kesihatan dan Bahagian Kawalan Penyakit, Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar, Kementerian Kesihatan, yang juga diselajurkan dengan Pelancaran Program Saringan HIV di Klinik Swasta yang berlangsung di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan.

Menurut Yang Berhormat, Pertubuhan Kesihatan Sedunia, jangkitan HIV menjejaskan lebih dari 75 juta orang dan meragut lebih daripada 32 juta nyawa di seluruh dunia semenjak wabak ini bermula.

Pada tahun 2019, jelas Yang Berhormat, terdapat 1.7 juta kes jangkitan HIV baharu dilaporkan dan dianggarkan seramai 38 juta orang hidup dengan jangkitan HIV ataupun People Living with HIV

(PLHIV) serta 690 ribu kematian akibat AIDS dilaporkan.

Yang Berhormat berkata, walau bagaimanapun, dengan kemajuan dalam bidang kesihatan dan perubahan masa kini, kadar jangkitan baharu HIV dan kematian akibat HIV semakin berkurangan.

"Jika dibandingkan dengan situasi HIV/AIDS secara global pada awal abad ini, menurut laporan dari Joint United Nations Program on AIDS/HIV, iaitu UNAIDS, jumlah jangkitan baharu HIV telah menurun sebanyak 23 peratus, iaitu daripada 2.1 juta pada 2010 kepada 1.7 juta pada 2019. Di samping itu juga, kematian akibat penyakit AIDS juga telah menurun sebanyak 39 peratus, iaitu dari 1.1 juta pada tahun 2010 kepada 690 ribu pada tahun 2019.

"Pencapaian ini mencerminkan kejayaan usaha sama agensi-agensi kerajaan di negara-negara seluruh dunia yang didukung oleh kumpulan masyarakat setempat dan juga rakan pembangunan antarabangsa," ujar Yang Berhormat.

Di NBD, tambah Yang Berhormat, dari tahun 1986 sehingga menjelang akhir tahun 2019, seramai 289 orang disahkan dijangkiti HIV dalam kalangan

warganegara dan penduduk tetap, dan daripada jumlah tersebut, seramai 218 (75 peratus) orang masih hidup dengan HIV.

Jumlah kes tertinggi dilaporkan, terang Yang Berhormat, adalah pada tahun 2019, iaitu sebanyak 42 kes, di mana 98 peratus adalah terdiri daripada kaum lelaki dan majoriti daripada kes adalah mereka yang dalam lingkungan usia 20 ke 34 tahun.

Yang Berhormat seterusnya berkata, walaupun tidak ada rawatan khusus (*cure*) atau vaksin bagi jangkitan HIV, namun penghidap jangkitan HIV boleh dirawat menggunakan Anti-Retroviral Therapy (ART), di mana rawatan ini boleh membantu penghidap HIV untuk hidup lebih sihat dan meningkatkan jangka hayat mereka serta mengurangkan risiko penularan HIV, iaitu mencegah penghidap daripada menjangkiti HIV kepada orang lain.

Di negara kita, 85 peratus daripada penghidap HIV menerima rawatan ART dan dalam kalangan mereka yang menerima rawatan, 58 peratus berjaya dalam menyekat replikasi virus HIV di dalam badan ke tahap yang sangat rendah (*viral suppression*) sehingga mereka tidak mempunyai risiko untuk menjangkiti orang lain, jelas Yang Berhormat.

"Oleh dengan itu, kita amatlah bersyukur kerana di negara ini, kemudahan-kemudahan kesihatan menerusi pusat-pusat kesihatan dan hospital-hospital di seluruh negara telah menyediakan

perkhidmatan untuk mengesan jangkitan HIV dan juga untuk memberi rawatan ART tersebut yang boleh menyekat replikasi HIV dan penyebaran jangkitan HIV. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah termasuk Ujian Saringan HIV bagi ibu-ibu mengandung, permohonan pekerjaan (mengikut jenis pekerjaan), saringan pendermaan darah, dan ia juga dibukakan kepada individu - individu yang ingin membuat ujian HIV untuk mengetahui status HIV mereka.

"Alhamdulillah di bawah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pembiayaan bagi rawatan perubatan bagi penyakit HIV adalah diberikan secara percuma bagi semua warganegara dan penduduk tetap di NBD," jelas Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat juga menekankan agar sama-sama memberantas jangkitan HIV dalam kalangan masyarakat di negara ini serta dalam mencapai sasaran untuk mengakhiri AIDS dalam Matlamat Pembangunan Mampan pada 2030, semua pihak berkepentingan termasuk agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta kumpulan-kumpulan masyarakat dan akar umbi perlu bekerjasama dan memberi dorongan dan dukungan agar kemudahan-kemudahan tersebut dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh mereka yang memerlukannya



**YANG** Berhormat Menteri Kesihatan berucap pada Sidang Media berkenaan.

tanpa diskriminasi dan dilaksanakan secara terpelihara dan sulit atau *confidential*.

Apatah lagi, tegas Yang Berhormat, dengan bukti bahawa rawatan yang diberikan boleh menyekat penularan jangkitan serta melanjutkan kadar jangka hayat penghidap.

Jelas Yang Berhormat, sempena dengan Hari AIDS Sedunia tahun ini, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Majlis AIDS NBD dan juga beberapa buah klinik swasta di negara ini akan mengendalikan Program Saringan HIV di Klinik Swasta atau Expanded HIV Screening in Private Clinics, iaitu satu program saringan bagi mengesan jangkitan HIV.

# YSHHB bantu pelajar kurang berkemampuan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 3 Disember. - Bertunjangkan dasar utama Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) bagi memeduli kebajikan dan kesejahteraan rakyat, khususnya golongan yang kurang berkemampuan, YSHHB menyampaikan sumbangan bantuan peralatan dan keperluan persekolahan kepada seramai

2,158 pelajar. Para penerima terdiri daripada seramai 1,404 pelajar sekolah rendah dan 754 pelajar sekolah menengah dalam kalangan keluarga yang kurang berkemampuan di seluruh negara, iaitu bagi Sesi Persekolahan Tahun 2021. Sumbangan adalah dalam bentuk kupon pembelian peralatan



PARA ibu bapa dan penjaga pelajar berkenaan yang hadir.

dan keperluan persekolahan dan setiap seorang pelajar menerima kupon bernilai BND250.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian sumbangan tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB dan Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Bantuan-bantuan YSHHB kepada para ibu bapa dan penjaga pelajar-pelajar berkenaan.

Penyampaian sumbangan berkenaan adalah bertepatan dengan matlamat strategik YSHHB dalam mendukung pencapaian pendidikan yang berkualiti dan saksama bagi semua lapisan masyarakat.

Selain itu, sumbangan tersebut dihasrat bagi memeduli kebajikan dan hal ehwal pendidikan pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan bagi meningkatkan motivasi mereka untuk meraih kecemerlangan dalam bidang pendidikan.

Di samping itu, sumbangan tersebut dihasratkan dapat membantu meringankan beban perbelanjaan keluarga dalam menyediakan keperluan persekolahan anak-anak mereka khususnya bagi persediaan penggal awal persekolahan tahun 2021.

Penubuhan YSHHB ialah



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri selaku Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dan Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Bantuan-bantuan YSHHB menyerahkan sumbangan kepada ibu pelajar yang kurang berkemampuan.

sebagai wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja, iaitu sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyat baginda, di samping menjadi lambang pembentukan dan perpaduan masyarakat di Negara Brunei Darussalam yang

sejahtera dan makmur.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin dan Timbalan Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Saidah binti Haji Wahid @ Burut.

# Hajah Sabariah menangi hadiah utama BIBD Aspirasi 2

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Hamzah Mohidin



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) (kiri) semasa bergambar bersama pemenang utama BIBD Aspirasi 2 pada Majlis Cabutan dan Penyampaian Hadiah Utama BIBD Aspirasi 2 yang berlangsung di The Empire Brunei, Jerudong (kiri). Sementara gambar kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.

**JERUDONG,** Jumaat, 4 Disember. - Satu kejutan indah, sekali gus berasa amat bersyukur, itulah yang dirasakan oleh pemenang hadiah utama BIBD Aspirasi 2, Dayang Hajah Sabariah binti Haji Mohd. Yusof apabila terpilih sebagai pemenang utama dan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah BND250,000 semasa Majlis Cabutan dan Penyampaian Hadiah Utama BIBD Aspirasi 2 yang berlangsung di The Empire Brunei, Jerudong, petang tadi.

Hadir bagi menyaksikan pemilihan serta menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang bertuah ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

Pada majlis tersebut, lima pemenang bertuah membawa pulang hadiah wang tunai

BND10,000, manakala 35 pemenang bertuah yang lain membawa pulang hadiah berjumlah BND1,000.

Dalam temu bual bersama Pelita Brunei, Dayang Hajah Sabariah yang merupakan seorang Jururawat berkata, saat namanya terpilih sebagai pemenang utama hadiah BND250,000 itu, ia umpama mimpi, tidak disangka-sangka dan baginya itu semua rezeki Allah.

"Ini semua mungkin daripada doa, doa daripada ibu bapa dan

adik-beradik yang mendoakan. Duit ini akan digunakan sebaik mungkin, terutama sekali bersedekah kepada anak-anak yatim dan disimpan untuk menunaikan Fardu Haji bersama keluarga, insyaaAllah," katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Mubashar Khokhar berkata bahawa BIBD Aspirasi merupakan sebahagian daripada komitmen BIBD bukan sahaja untuk menyokong aspirasi pelanggan

mereka, tetapi juga kesejahteraan ekonomi negara, di mana Aspirasi menawarkan peluang bagi orang ramai untuk melabur dalam program ganjaran yang menarik.

BIBD Aspirasi 2 adalah program pelaburan dan simpanan unik yang membolehkan pelanggan memperoleh dividen yang menarik serta mendorong pelanggan menyimpan dana mereka untuk simpanan jangka panjang.

Selain itu, ia menawarkan program ganjaran yang menyajikan 441 pemenang dengan peluang untuk memenangi BND1,000 setiap bulan, hadiah suku tahunan BND10,000 dan hadiah utama BND250,000 dengan syarat mereka menyimpan dana mereka di BIBD Aspirasi 2 sekurang-kurangnya 90 hari sebelum setiap tarikh cabutan.

BIBD telah memberikan sejumlah BND870,000 untuk hadiah kemenangan kepada pelanggan bagi kempen Aspirasi 2 tahun ini.

Para pelanggan dari kempen Aspirasi BIBD sebelumnya juga secara automatik dimasukkan dalam semua undian dengan peluang untuk memenangi ganjaran tersebut berikutan jangka simpanan mereka yang lebih lama.

Majlis turut menyaksikan pelancaran Kempen Ganjaran Aspirasi 3, di mana di bawah kempen terkini, BIBD terus menawarkan hadiah kepada pemenang bagi cabutan bulanan, suku tahun dan hadiah utama.

# MKKJR adakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil Senegara

Berita dan Foto :  
Mohamad Azmi Awang Damit

**BERAKAS**, Khamis, 3 Disember. - Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil Senegara sempena Hari Memperingati Mangsa-Mangsa Lalu Lintas Jalan Raya Sedunia 2020 di Masjid Ash-Shaliheen, di sini.

Majlis berkenaan bertujuan bagi memohon keberkatan dan keredaan dari Allah Subhanahu Wata'ala untuk keselamatan negara ini, terutamanya para pengguna jalan raya agar sentiasa diberikan perlindungan dari kemalangan dan perkara-perkara yang tidak diinginkan.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof selaku Pengerusi MKKJR hadir pada majlis berkenaan.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib dan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Md. Izzat Izzuddin bin

Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil serta Doa.

Majlis diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC); Ahli-ahli MKKJR; Ketua-ketua Eksekutif, Ketua-ketua Jabatan; Pegawai-pegawai dan kakitangan MTIC serta jabatan-jabatan di bawahnya dan Pihak-pihak Berkuasa.

Juga hadir, Persatuan Motorsikal Darussalam (PEMODA), Pengusaha-pengusaha Teksi dan wakil dari Sekolah-sekolah Memandu.

Majlis merupakan sebahagian daripada acara yang dirancang bagi menyambut Hari Memperingati Mangsa-Mangsa Lalu Lintas Sedunia 2020 yang diadakan secara serentak di keempat-empat daerah.

MKKJR menyeru kepada semua pengguna jalan raya supaya



**YANG** Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi (tiga, kanan) hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil Senegara sempena Hari Memperingati Mangsa-Mangsa Lalu Lintas Jalan Raya Sedunia 2020, di Masjid Ash-Shaliheen.

meningkatkan kewaspadaan dengan memberikan tumpuan dan perhatian penuh ketika berada di jalan raya dan sentiasa mengamalkan sikap memandu yang berhemah.

MKKJR juga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat

dalam memastikan keselamatan jalan raya terjaga, ini termasuk dari perancangan, penyediaan dasar, penguatkuasaan, petugas kecemasan, NGOs dan juga orang ramai.

Semua pengguna jalan raya sama-sama mempunyai tanggungjawab dan memainkan

peranan dalam menjaga diri sendiri dan orang di sekeliling termasuk harta benda.

Sikap dan budaya mengutamakan keselamatan jalan raya akan membantu kita mengelakkan dari berlakunya kemalangan dan adalah penting bagi keselamatan semua.

## Johan MTQBK milik Ak. Adi Nazri, Dk. Fauziah Nadhirah



**YANG** Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (kiri) menyempurnakan penyampaian hadiah kepada johan qari Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan (MTQBK) 1442 Hijrah / 2020 Masihi Peringkat Akhir, Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 3 Disember. - Qari, Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri dan qariah, Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri, masing-masing dinobatkan johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan (MTQBK) 1442 Hijrah / 2020 Masihi Peringkat Akhir, yang diumumkan di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), di sini.

Johan qari yang memperoleh markah 90.38 peratus dan qariah, 92.5 peratus, masing-masing menerima piala pusingan, piala iringan, wang tunai BND2,000 dan

sijil penyertaan.

Tempat kedua qari dan qariah, dimenangi oleh Awang Afiq Haririe bin Haji Awang Mat Daud, dan Dayang Najla Sabreena binti Haji Abdul Rajid, di mana masing-masing membawa pulang piala iringan, wang tunai BND1,500 dan sijil penyertaan.

Manakala, qari, Awang Haji Hazwan bin Haji Salim dan qariah, Dayangku Nurul Sakinah Adawiyah binti Pengiran Ainolazhar meraih tempat ketiga dan menerima piala iringan, wang tunai BND1,000 juga sijil penyertaan setiap seorang.

Manakala setiap peserta qari juga qariah lainnya turut menerima

hadiah saguhati, iaitu piala iringan, wang tunai BND500 dan sijil penyertaan.

Penyampaian hadiah, cenderamata dan sijil penyertaan kepada para pemenang musabaqah disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU); juga Pegawai-pegawai Kanan KKBS.

Sementara itu, dalam ucapan daripada tetamu kehormat majlis berkata, pengungkayahan musabaqah pada setiap tahun bukan sahaja merupakan satu usaha untuk melahirkan para belia yang mahir membaca Al-Quran, bahkan juga untuk menanamkan keperibadian cintakan Al-Quran dalam kalangan generasi muda.

"Cintakan Al-Quran dengan menghayati kalam Al-Quran sepenuhnya, akan menjadi asas dan panduan kepada pembangunan serta pembentukan akhlak yang mulia," ujar Yang Berhormat.

Menyentuh mengenai akhlak

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Hamzah Mohidin

mulia, Yang Berhormat menjelaskan, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan contoh teladan atau *role model* yang terbaik dalam pembentukan akhlak mulia sebagaimana sabda Baginda yang bermaksud : "Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak yang mulia". (Riwayat Al-Imam Ahmad).

"Oleh yang demikian, pada menyahut Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa keberangkatan tidak berjadual baginda ke KKBS baru-baru ini, apa jua program pembentukan jati diri belia hendaklah sentiasa menitikberatkan keseimbangan di antara amalan duniawi dan ukhrawi, dalam membentuk belia yang syumul, yang bukan sahaja berilmu dan berkemahiran, malah mempunyai kekuatan iman, kemuliaan akhlak dan pendirian yang teguh. Sebagai bakal pewaris kepimpinan masa depan, ciri-ciri inilah yang mesti ada dan ditapai oleh belia kita agar mereka mempunyai jati diri yang hebat dengan kepimpinan yang bijaksana, berwawasan serta

berlandaskan falsafah negara Melayu Islam Beraja," tegas Yang Berhormat.

Dengan mempraktikkan pendekatan Whole of Nation, Yang Berhormat menambah, KKBS akan terus mempertingkatkan dan mengukuhkan persefahaman juga kerjasama di antara agensi-agensi yang terlibat dalam usaha pembangunan jati diri para belia dan masyarakat.

Sehubungan ini, Yang Berhormat, juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak KHEU dan Kementerian Pendidikan atas sumbangan juga kerjasama padu yang amat bernilai dalam usaha berterusan ini dan amat berbangga program-program yang dijalankan bersama, termasuk Program Wira Fajar bagi para belia terus memberikan nilai tambah bagi golongan belia kita untuk mendalami ilmu Al-Quran, demi memartabatkan kesucian Ugama Islam juga memastikan maruah bangsa dan Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini dipertahankan sebagai sebuah Negara Zikir Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur.

# MoU tingkatkan daya saing sains, teknologi negara

Berita dan Foto :  
Marlinawaty Hussin

**TUNGKU LINK**, Khamis, 3 Disember. - Sebagai sebahagian daripada perjalanan digitalisasi dan perkembangan teknologinya, Shell Deepwater Borneo Ltd. (Shell) dan Brunel Shell Petroleum Company Sdn. Bhd. (BSP), hari ini, memulakan inisiatif 'Artificial Intelligence (AI) : Gift to the Nation' bersama Universiti Teknologi Brunei (UTB).

Inisiatif ini dimulakan dengan Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara tiga pihak berkenaan di Dewan Kuliah 2, Kompleks Perpustakaan, UTB.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman.

Turut hadir, Pemangku Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Dr. Chin Wei Keh.

Menandatangani bagi pihak UTB, Naib Canselor UTB, Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Manakala BSP diwakili Shell Country Chair merangkap Pengarah Urusan BSP, Agnete Johnsgaard-Lewis; dan Pengarah Urusan Shell Deepwater Borneo Ltd., Dr. Ivo Verstralen.

Naib Canselor UTB dalam ucapan alu-aluannya, berkata, MoU berkenaan adalah selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-15 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada tahun lepas, mengenai perkembangan teknologi pesat yang telah membawa perubahan besar dalam hidup, termasuk kemajuan industri digital yang memfokuskan kepada Internet of Things, Kecerdasan Buatan (AI) dan seumpamanya, di mana Industri Revolusi Keempat akan menjadi salah satu agenda utama dalam memperkasakan masyarakat, terutama bagi para pelajar, pihak berkepentingan dan kerajaan.

Melalui kolaborasi ini, jelasnya, UTB akan menerima sumbangan yang signifikan terhadap pertumbuhan dan pembangunannya, sebagai hadiah untuk negara, dari BSP dan Shell

Deepwater Borneo, AI yang terdiri daripada satu atau lebih komponen utama Machine Vision Lab, Machine Learning Centre dan Digital Realities Centre.

Menurut beliau, sumbangan tersebut setentunya akan meningkatkan pengalaman pengajaran dan pembelajaran juga keupayaan penyelidikan di seluruh fakulti, sekolah dan pusat penyelidikan, di UTB.

"Ia akan mewujudkan banyak peluang, di mana mesin dan makmal ini akan digunakan untuk semua jenis aliran penyelidikan, seperti menganalisis corak tingkah laku individu, menganalisis maklumat yang berkaitan dengan unjuran ekonomi, sistem pengairan pintar, proses pembungkusan, peningkatan pengeluaran beras, *hydro-informatic* dan perubahan iklim juga penggunaan teknologi realiti maya untuk menilai simulasi prototaip," ujar beliau.

Sebagai sebahagian daripada komitmen pihak UTB untuk melabur dalam perkembangan teknologi canggih di masa hadapan, di negara ini, tambahna, mesin dan makmal berkenaan juga dapat dimanfaatkan oleh pihak-pihak lain, seperti Pusat STEP, Kementerian Pendidikan untuk kegiatan mereka, di mana mereka dapat memanfaatkan dan mendedahkan penggunaan mesin tersebut ke sekolah rendah juga menengah.

Beliau memberitahu, kemudahan itu akan dapat mengembangkan bakat terbaik dan melengkapkan pelajar dengan pengalaman langsung kelas pertama juga pengetahuan mengenai teknologi yang canggih.

"Pada masa yang sama, Ahli Akademik UTB akan dapat melakukan penyelidikan yang cemerlang (*breakthrough research*) dan membuat penemuan signifikan dalam bidang masing-masing, atau bahkan menangani cabaran penyelidikan yang berkaitan industri di Negara Brunei Darussalam," katanya.

Tayangan video khas yang menunjukkan reputasi dan kepakaran Shell, yang telah lama wujud dalam bidang AI juga dikongsikan kepada para penonton pada acara tersebut.



**YANG** Berhormat Menteri Pendidikan (dua, kiri) pada sesi bergambar ramai bersama Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB); Shell Country Chair merangkap Pengarah Urusan BSP, Agnete Johnsgaard-Lewis; dan Pengarah Urusan Shell Deepwater Borneo Ltd., Dr. Ivo Verstralen pada Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) berkenaan.



**NAIB** Canselor UTB semasa ucapan alu-aluan.

Penandatanganan MoU itu diharap akan dapat terus mengembangkan teknologi canggih dan meningkatkan daya saing sains juga teknologi di negara ini.

Di bawah MoU berkenaan, Shell akan menyediakan mesin AI dan penemuan yang berkaitan untuk makmal di UTB, terdiri daripada Laptop Developer, AI Edge Computer, Augmented Reality Device, Virtual Reality Device, AI Do-it-yourself kit dan conversational interfaces.

Shell dan BSP akan memberikan sokongan dan kepakaran dalam penggunaan mesin AI.

Shell dan BSP juga menawarkan penceramah undangan, terdiri daripada pakar AI Shell dan akan mengatur Hackathon, berdasarkan kejayaan pengalaman bersama universiti-universiti lain di luar negara, menggunakan platformnya untuk menyelesaikan beberapa cabaran paling sukar, di negara ini.

Dalam memberikan pendidikan yang berkualiti dan relevan, UTB akan terus berusaha bekerjasama bersama industri dan akademia agar para pelajar universiti tersebut dapat menerima pendedahan langsung dengan dunia sebenar.

Usaha ini juga, akan membantu dalam pengembangan teknologi canggih di negara ini, khususnya dalam menyumbang kepada peningkatan dan penerapan pengetahuan saintifik juga kemampuan teknikal.

**ANTARA** yang hadir menyaksikan Majlis Penandatanganan MoU tersebut.



## COVID-19 : 1 kes sembuh

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 3 Disember. - Negara Brunei Darussalam (NBD), alhamdulillah terus mencatatkan sifar kes baharu COVID-19, setakat jam 12.00 tengah, hari ini.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19, di negara ini, masih kekal sebanyak 151 kes.

Dalam Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan memaklumkan, setakat ini, NBD mencatatkan 211 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei lalu.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 10 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan, satu kes dilaporkan sembuh dan dua kes aktif dicatat mendapatkan rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan ketika ini, di mana ia menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini, seramai 146 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 466 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 8,856 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 151 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 77,829 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

### Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	151		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
1	2	3	146

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (211 hari yang lalu)	10 Kes

### Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
466	8,856

### Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
151 sampel	77,829



# Berganding bahu bantu perkasa kualiti hidup golongan OKU

Siaran Akhbar dan Foto :  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 3 Disember. - Bagi memastikan Orang Kelainan Upaya (OKU) di negara ini diberikan peluang yang sama dan mencapai kualiti kehidupan yang baik, beberapa tindakan, seperti menggubal dasar-dasar yang berkaitan dengan golongan OKU juga rebiu Pelan Tindakan OKU di bawah Jawatankuasa Khas Warga Emas dan OKU, Majlis Kebangsaan Isu Sosial sedang dilaksanakan.

Pelan tindakan ini, antaranya mengandungi strategi Pembangunan OKU, Kesejahteraan OKU, Kebijakan OKU dan Sistem Sokongan OKU.

Antara isu kritikal yang dikenal pasti dalam pembangunan golongan OKU adalah pengupayaan golongan OKU untuk hidup secara berdikari dengan sokongan masyarakat dari segi dasar, infrastruktur dan moral.

Lebih banyak kemajuan diperlukan, terutama untuk memperluas peluang pekerjaan bagi OKU, termasuk sokongan khusus daripada bakal majikan dan anggota masyarakat untuk memberikan peluang kepada penghidupan setara.

Perkara ini, dijelaskan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji

Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dalam perutusan Yang Berhormat Menteri sempena Hari Antarabangsa OKU (HAOKU) 2020.

Terdahulu, Yang Berhormat dalam perutusannya menjelaskan, di mana tarikh 3 Disember 2020 merupakan HAOKU atau International Day of Persons with Disabilities yang diraikan sejak pengisytiharannya oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, pada tahun 1992.

Sambutan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai, meraikan pencapaian dan sumbangan golongan OKU di dalam masyarakat, di seluruh dunia.

Tambah Yang Berhormat, tema Sambutan HAOKU pada tahun ini adalah 'Not All Disabilities are Visible', di mana tema ini ingin mengetengahkan pemahaman mengenai jenis kecacatan yang bersifat bukan fizikal dan tidak dapat dikenali dengan mata kasar, seperti kecacatan intelek, mental dan pendengaran.

Dalam menyambut HAOKU pada tahun ini, Negara Brunei Darussalam (NBD) juga ingin menggalakkan usaha berterusan dalam meraikan dan memperkasa golongan OKU juga menyeru penglibatan masyarakat dalam membina sistem sokongan kepada

golongan OKU.

Setentunya, jelas Yang Berhormat Menteri, perkembangan golongan OKU yang berkhidmat dalam sektor kerajaan dan sektor swasta adalah diberikan tumpuan.

Melalui kaji selidik secara berfasa yang dilaksanakan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, didapati lebih 130 OKU yang sedang bekerja.

Ujar Yang Berhormat Menteri, manakala maklumat dikumpulkan oleh Sekretariat Tetap Manpower Planning and Employment Council (MPEC) juga mengenal pasti lebih 480 OKU yang boleh bekerja dan ini jelas menunjukkan perlunya pengiktirafan lebih besar terhadap golongan OKU sebagai anggota masyarakat yang dihargai, dapat menyumbang ke arah pembangunan negara.

Dalam hal ini, terang Yang Berhormat, NBD melalui Pendekatan secara Senegara (Whole of Nation) akan terus berusaha untuk meningkatkan lagi keberkesanan program yang akan memperkuatkan kebolehpasaran dan kebolehpasaran bagi golongan OKU, sebagai contoh :

a) Melalui revitalisasi Pusat Bahagia, di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) sebagai Pusat Kecemerlangan bagi OKU, program pra-vokasional akan disediakan yang akan meningkatkan latihan dan pengembangan kemahiran hidup mereka untuk memastikan ia lebih relevan dengan memenuhi keperluan pasaran pekerjaan

semasa.

b) Meningkatkan penyertaan golongan OKU dalam latihan vokasional dan program yang ditawarkan oleh institusi kerajaan juga entiti swasta, pusat dan persatuan untuk memperluas peluang pekerjaan bagi golongan OKU, bertujuan untuk melengkapkan kemahiran juga memberikan pengetahuan dan latihan pekerjaan, juga pengalaman untuk mempersiapkan pelajar untuk kerjaya tertentu, seperti melalui penempatan pekerjaan.

c) Memudahkan peralihan dari alam persekolahan ke alam pekerjaan (*school-to-work transition*) di antara Sekretariat Tetap MPEC dan Unit Pendidikan Khas, di bawah Kementerian Pendidikan, bertujuan bagi pelajar kelainan upaya memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk mempersiapkan mereka untuk dunia pekerjaan juga keusahawanan, semasa tamatnya tempoh belajar di sekolah menengah, sama ada mengikuti Program Pendidikan Khas secara *mainstream* atau Program Pra-Vokasional. Inisiatif ini juga menyokong aspirasi Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2018 - 2022, iaitu 'Provide equal and equitable access to quality education'.

d) Inisiatif dari Sekretariat Tetap MPEC untuk meningkatkan pendaftaran golongan OKU ke JobCentre Brunei untuk memadankan para pendaftar ke peluang-peluang pekerjaan yang bersesuaian (*job matching*) dan menyalurkan mereka ke program-program yang akan dapat meningkatkan *employability* dan *marketability* golongan OKU mencari pekerjaan.

Yang Berhormat, seterusnya menjelaskan, di mana Program intervensi awal melalui pendidikan dan pembelajaran khas juga diberi tumpuan. Pusat Bahagia di bawah KKBS dengan kerjasama Kementerian Kesihatan juga akan menyediakan program intervensi awal bagi sebahagian OKU di bawah 6 tahun (Down Syndrome dan Cerebral Palsy), untuk mendukung dan melengkapkan program-program yang dilaksanakan oleh NGO, pusat dan persatuan OKU di negara ini.

"Manakala, Kementerian Pendidikan juga telah menubuhkan dua Centre of Excellence (CoE), di Daerah Temburong dan insyaaAllah, akan terus menubuhkan CoE, di daerah-daerah lain dalam beberapa tahun akan datang. CoE ini dibekalkan dengan sumber khusus dan peralatan pembelajaran, termasuk mengoptimalkan guru-guru pendidikan khas dan pembantu guru untuk memenuhi keperluan berbeza pelajar kelainan upaya.

"Selain dari itu, inisiatif dan usaha bagi memperkasakan golongan OKU dalam bidang keusahawanan, seperti sokongan mengetengahkan produk-produk OKU di dalam pasaran, dan menyediakan ruang-ruang keusahawanan bagi OKU dan warga emas di premis-premis, termasuk bangunan kerajaan," terang Yang Berhormat.

Bersempena Sambutan HAOKU tahun ini, jelas Yang Berhormat, NBD dengan kerjasama Majlis



PERUTUSAN Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sempena Hari Antarabangsa OKU (HAOKU) 2020.

Kesejahteraan OKU (MKOKU), pihak swasta dan persatuan bukan kerajaan berserta sokongan berterusan daripada rakan-rakan strategik, menyambut seperti berikut :

a) Aktiviti-aktiviti, seperti Hari Terbuka Pusat Bahagia Daerah Tutong; Majlis Sambutan HAOKU 2020 (anjaran SMARTER Brunei); Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil di Kubah Makam Diraja; T-shirt project (anjaran Yuth.co); Majlis Doa Kesyukuran HAOKU, di Masjid Ash-Shaliheen; Forum bersempena dengan HAOKU, Program I.M.P.I.A.N (anjaran Fera Nursing); Program Santuni OKU; Hari Terbuka Pusat Bahagia Brunei Muara; dan Majlis Khatam Al-Quran bagi OKU;

b) Program berkomunikasi secara inklusif, seperti pelaksanaan Bengkel Braille, Orientasi dan Mobiliti serta Bengkel Asas Bahasa Isyarat yang giat diadakan sejak Februari 2019 hingga kini; dan

c) Inisiatif meningkatkan kepekaan orang ramai tentang kemahiran golongan OKU, termasuk dalam industri kreatif, seperti pameran-pameran seni bersifat inklusif yang mengetengahkan bakat-bakat seni lukis, dihasilkan oleh para pelatih OKU. Ini termasuk Pameran Seni Lukis Diversiti 2020, yang sedang berjalan di Muzium Teknologi Melayu hingga April 2021, bersempena Sambutan Hari Muzium Antarabangsa dan Hari Arkib Antarabangsa, di mana seramai 22 pelukis golongan OKU ikut serta.

Yang Berhormat, seterusnya berkata, NBD akan sentiasa berusaha dalam memastikan penyediaan dasar kebangsaan dengan komitmen antarabangsa dan serantau dalam mempromosi hak juga kebijakan bagi golongan OKU, seperti United Nations Convention on the Rights of Persons with Disabilities; Bali Declaration on the Enhancement of the Role and Participation of Persons with Disabilities in the ASEAN Community; dan ASEAN Enabling Masterplan 2025 : Mainstreaming the Rights of Persons with Disabilities.

## COVID-19 : 529 jalani pengasingan diri

### Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	151		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	3	3	145

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (210 hari yang lalu)	10 Kes

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
529	8,727

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
185 sampel	77,678

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 2 Disember. - Negara Brunei Darussalam (NBD), alhamdulillah terus mencatatkan sifar kes baharu COVID-19,

setakat jam 12.00 tengah, hari ini.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19, di negara ini, masih kekal sebanyak

151 kes.

Dalam Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan memaklumkan, setakat ini, NBD mencatatkan 210 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei lalu.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 10 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan, tiga kes aktif yang dicatat mendapatkan rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan ketika ini, di mana menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini, seramai 145 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 529 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 8,727 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 185 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 77,678 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

# Buku laporan TVET dilancar

Berita dan Foto :  
Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin



**YANG** Berhormat Menteri Pendidikan menyampaikan buku berkenaan kepada pihak yang berkepentingan pada majlis pelancaran tersebut.

**BERAKAS**, Rabu, 2 Disember. - Di peringkat global, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) semakin popular dan dianggap sebagai salah satu daripada segmen pendidikan utama untuk meningkatkan matlamat pembangunan sosioekonomi sesebuah negara.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), permintaan untuk perkhidmatan TVET mulai kelihatan pada tahun 1950-an disebabkan oleh peningkatan aktiviti ekonomi yang memerlukan tenaga mahir di pelbagai sektor.

TVET kemudiannya diformalkan pada tahun 1970-an dengan penubuhan dua penyedia TVET awam, iaitu Sultan Saiful Rijal dan Jefri Bolkih Engineering Trade School.

Tahun ini menandakan 50 tahun penubuhan TVET rasmi di NBD. Selama bertahun-tahun, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah melabur secara konsisten dan meluas dalam sektor TVET untuk memastikan akses pendidikan dan pengembangan kemahiran yang sama bagi semua rakyat di negara ini.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pemangku Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Chin Wei Keh selaku Penasihat Laporan TVET Brunei Darussalam 2019 semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya pada Majlis Pelancaran Buku Brunei Darussalam TVET Report 2019 di Dewan Kuliah, Sekolah Penerbangan, Institusi Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) yang diadakan baru-baru ini.

Beliau seterusnya menjelaskan, laporan yang dilancarkan tersebut akan memaparkan keseluruhan pembangunan landskap sektor TVET di NBD.

"Sebelum pengembangan laporan ini, maklumat mengenai TVET di NBD adalah terbatas

dan terdapatnya keperluan yang mendesak untuk menetapkan petunjuk asas yang bukan sahaja memungkinkan pihak berkepentingan untuk memperluas pemahaman mereka ke sistem TVET di Brunei tetapi juga memberi kesedaran untuk menyokong TVET dan kemahiran masa depan pembangunan yang diperlukan oleh negara.

"Kementerian seterusnya berharap agar para pihak kepentingan (*key stakeholders*) dapat memanfaatkan banyak informasi yang telah disediakan dan memberikan pandangan berdasarkan daripada laporan ini untuk membantu memperkuat peranan TVET dalam mengembangkan modal insan yang berkualiti terutama dalam hubungan pendidikan-pekerjaan," jelasnya.

Pembuat dasar kini akan lebih dilengkapi dengan data yang boleh dipercayai dalam menyusun polisi untuk sistem TVET semasa dan akan datang serta sedia maklum mengenai masalah dan cabaran yang telah lama dihadapi oleh TVET, ujarnya lagi.

Selain itu, beliau seterusnya menjelaskan laporan berkenaan juga akan menawarkan penyedia TVET dengan data konkrit untuk mengenal pasti sebarang kekurangan dan memperbaiki program mereka, sehingga ia sesuai dengan keperluan industri pada masa ini.

"Semua tindakan ini adalah sangat penting untuk meningkatkan sistem dan memastikan bahawa negara akan menghasilkan TVET yang tepat, terutama sekali dalam menghasilkan graduan yang mempunyai kualiti yang dimaksudkan dengan cara yang mampan.

"Dengan komitmen penuh daripada semua pihak berkepentingan dan rakan kongsi, saya yakin bahawa ekosistem TVET nasional kita akan menjadi salah satu pendorong kepada pembangunan negara dalam

merealisasikan Wawasan Negara 2035," terangnya.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pelancaran laporan berkenaan ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman.

Atur cara diisikan dengan tayangan video yang menerangkan mengenai rumusan isi kandungan laporan tersebut, diikuti dengan Yang Berhormat menyempurnakan penyampaian buku Brunei Darussalam TVET Report 2019 kepada beberapa pihak berkepentingan yang memainkan peranan di dalam memperkembangkan TVET di negara ini.

Pada majlis pelancaran tersebut, sijil-sijil penghargaan juga disampaikan oleh Yang Berhormat kepada ahli-ahli jawatankuasa kerja, penyunting-penyunting dan pereka bentuk buku sebagai tanda kenangan dan penghargaan di dalam menghasilkan buku laporan tersebut.

Yang Berhormat dan para jemputan seterusnya menyaksikan mini pameran yang memaparkan kandungan yang terdapat di dalam Buku Laporan Brunei Darussalam TVET Report 2019.

Laporan TVET Brunei Darussalam 2019 ini adalah yang pertama seumpamanya dihasilkan oleh Kementerian Pendidikan yang memberikan gambaran keseluruhan tentang pembangunan landskap Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di NBD.

Objektif utama laporan ini dihasilkan adalah untuk menengahkan isu dan cabaran yang berkaitan dengan sistem TVET serta kesannya terhadap kebolehkeraan (*employability*) graduan, di samping pengaruhnya dalam menyediakan tenaga kerja di negara ini.

Laporan tersebut mengandungi laporan kandungan bab, iaitu Gambaran Keseluruhan

Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di NBD; Rangkaian Institusi-institusi TVET; Kemasukan dan graduasi pelajar TVET; TVET untuk pasaran kerja; Tenaga pengajar dan pengurusan TVET; Akreditasi dan Quality Assurance dalam TVET; Pembiayaan TVET; dan Kerjasama dengan pihak berkepentingan dalam TVET.

Laporan tersebut boleh didapati di Laman Sesawang Kementerian Pendidikan di <http://www.moe.gov.bn>.

Juga hadir, Setiausaha Tetap (Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Pengiran Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani selaku Pengerusi MISC; Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin; Pengarah-pengarah; Pengerusi-pengerusi dan wakil-wakil Manpower Industry Steering Committee (MPEC); Pegawai-pegawai Kanan dan pegawai-pegawai daripada Kementerian Pendidikan dan institusi-institusi pengajian tinggi swasta.



**PEMANGKU** Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan selaku Penasihat Laporan TVET Brunei Darussalam 2019 semasa berucap.



**PENGETUA** Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkih (SR YSHHB), Dayang Hajah Mariam binti Haji Ladi semasa berucap.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Azmah Haji Ahad

**GADONG**, Rabu, 2 Disember. - Seramai 82 pelajar Tahun 6 Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkih (SR YSHHB) menerima sijil penghargaan dan hadiah kumpulan terbaik yang disampaikan oleh Pengetua sekolah berkenaan,

## Lahirkan pelajar bersifat kepimpinan



**PARA** pelajar Tahun 6 SR YSHHB yang menerima sijil penghargaan semasa sesi bergambar ramai bersama pengetua sekolah berkenaan.

Dayang Hajah Mariam binti Haji Ladi yang berlangsung di Tingkat 7, Hotel Centerpoint Gadong.

Aktiviti tersebut merupakan salah satu aktiviti di bawah Program Kepimpinan Rakan Sebaya yang diadakan selama dua

hari iaitu pada 1 dan 2 Disember 2020.

Pada aktiviti tersebut, para pelajar juga turut membuat kad ucapan terima kasih khas khusus untuk diberikan kepada ibu bapa kerana membenarkan mereka bagi

menyertai program tersebut.

Para pelajar juga berasa gembira kerana tahun ini merupakan tahun terakhir bagi mereka untuk berada di sekolah rendah berkenaan sebelum memasuki peringkat menengah.

Antara objektif program ini diadakan adalah untuk melahirkan pelajar bersifat kepimpinan dalam diri pelajar dan dapat membentuk nilai-nilai kerohanian dan murni. Ia juga dapat membina semangat kerjasama dalam pasukan.

## Keselamatan dan kesejahteraan di jalan raya tanggungjawab bersama



**MARILAH** kita bertakwa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa, dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya iaitu mentaati Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasul-Nya. Berpegang teguh dengan ajaran Al-Quran dan mengikuti sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang berjaya, selamat dan bahagia di dunia dan juga di akhirat. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Ibrahim, ayat 7 :

**Tafsirnya :** "Dan ingatlah ketika Tuhan kamu memberitahu (dengan sejelas-jelasnya) : "Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala nikmat-Ku) tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap nikmat itu) maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras".

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan nikmat dan rahmat-Nya jua, negara kita mencapai kemakmuran dan kemajuan sehingga dengan-Nya kerajaan dapat

menyediakan kemudahan-kemudahan untuk rakyatnya. Adapun di antara kemudahan itu ialah jalan raya. Jalan raya adalah kemudahan awam yang disediakan oleh pihak kerajaan bagi kegunaan orang ramai untuk berhubung dari suatu tempat ke suatu tempat yang lain.

Oleh yang demikian, bagi menjamin jalan raya itu selamat dan selesa digunakan oleh semua pengguna, sama ada kenderaan bermotor ataupun pejalan kaki, kerajaan telah memperuntukkan peraturan dan undang-undang untuk dipatuhi oleh semua pengguna jalan raya. Ini kerana keselamatan pengguna semasa berada di jalan raya itu adalah perkara penting untuk diambil berat dan menjadi tanggungjawab semua pengguna untuk menjaga dan mematuhi bagi menjadikan jalan raya itu sebagai tempat yang selamat dan terhindar dari kecelakaan. Perlu diingat, bahawa kecuaiannya di jalan raya boleh mengakibatkan kerosakan dan kemusnahan kenderaan, kecederaan atau kematian.

Agama Islam amat menganjurkan umatnya agar sentiasa menjaga dan memelihara keselamatan diri, akal, nyawa, harta dan agama yang disebutkan juga sebagai Maqasid Syariah. Agama kita juga menganjurkan umatnya supaya berikhtiar sedaya upaya menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang boleh merosakkan dan membawa kebinasaan dengan menjaga lima perkara tersebut. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 195 :

**Tafsirnya :** "Dan belanjakanlah (harta yang ada pada kamu) pada jalan Allah dan janganlah kamu sengaja menjerumuskan diri kamu sendiri ke dalam kebinasaan. Dan berbuat baiklah kamu kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebaikan".

Adapun antara perkara yang boleh mendatangkan kebinasaan, kerugian, kemusnahan harta dan jiwa itu ialah kemalangan jalan raya. Yang menimbulkan kebingungan pihak berkuasa khususnya dan orang ramai secara umumnya.

Bagi memastikan keselamatan para pengguna jalan raya, pelbagai usaha telah dibuat oleh pihak berkuasa untuk menangani kemalangan jalan raya dan juga bagi menghindarkan dari berlakunya perkara-perkara yang tidak diinginkan, antaranya :

**Pertama :** Mengadakan sekatan jalan raya dan pemeriksaan kenderaan untuk mengesan sebarang pengubahsuaian yang bertentangan dengan peraturan undang-undang. Tahun ini, sehingga bulan Oktober sahaja, sejumlah 75 panggilan kejadian kenderaan terbakar telah diterima oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat.

**Kedua :** Menguatkuasakan Sistem Keselamatan Amalan Pemandu (SiKAP) yang bertujuan untuk memastikan pemandu di negara ini memandu kenderaan dengan lebih berdisiplin, berhati-hati dan mematuhi setiap peraturan lalu lintas yang ada.

**Ketiga :** Menjalankan pemeriksaan kepada para pemandu supaya tidak memandu di bawah pengaruh alkohol dan penyalahgunaan dadah yang terkawal serta ubat-ubatan yang terlarang.

**Keempat :** Pembarigaan di media sosial dan media massa dengan tujuan memberikan peringatan kepada para pemandu agar sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya.

**Kelima :** Menasihati para pemandu kenderaan supaya sentiasa memastikan keselamatan seperti memakai tali pinggang keselamatan, tidak membuat pengubahsuaian kenderaan, tidak menggunakan telefon bimbit ketika memandu, sentiasa mematuhi isyarat

lampu lalu lintas, mengikut had laju yang dibenarkan, memandu secara berhemah, memeriksa kenderaan sebelum menggunakannya dan seumpamanya.

Mengikuti perangkaan yang diterima dari Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas, Pasukan Polis Diraja Brunei, sehingga bulan Oktober tahun ini sahaja, sejumlah sembilan kemalangan jalan raya yang melibatkan kematian dan tujuh darinya adalah dilaporkan tidak memakai tali pinggang keselamatan.

Jalan raya merupakan kemudahan awam untuk kegunaan semua orang. Justeru, semua pengguna jalan raya hendaklah sentiasa mematuhi peraturan jalan raya yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa kerana keselamatan dan kesejahteraan di jalan raya itu merupakan tanggungjawab bersama.

Amalkanlah sifat berdisiplin, bersopan santun, hormat-menghormati dan bertolak ansur di jalan raya. Kita hendaklah berhati-hati, jangan disebabkan oleh kelalaian dan kecuaiannya kita itu akan membawa padah kepada diri sendiri mahupun kepada orang lain apatah lagi hingga menyebabkan kehilangan nyawa. Akhirnya, sama-samalah kita berdoa, semoga kita semua dihindarkan dari perkara-perkara yang tidak diinginkan dan sentiasa berada dalam perlindungan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

**Tafsirnya :** "Supaya kamu berada tetap di atasnya kemudian kamu mengingat nikmat Tuhan kamu apabila kamu berada tetap di atasnya serta kamu (bersyukur dengan) mengucapkan : "Maha Suci Allah yang telah memudahkan kenderaan ini untuk kami sedang kami sebelum ini tidak berdaya menguasainya. Dan sesungguhnya kami tentu akan kembali kepada Tuhan kami". (Surah Al-Zukhruf 13-14)

## Menghargai kerja keras pekerja autisme dewasa



**YANG** Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (kiri) menyampaikan sijil pencapaian kepada pelajar yang diraikan pada Majlis Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kurang Upaya (OKU).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 3 Disember. - Ibu bapa atau penjaga anak-anak autisme di SMARTER Brunei akan terus berjuang memastikan anak-anak dapat menghadapi dan menjalani

dengan berjaya.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif SMARTER Brunei, Sharifah Adila Surya binti Malai Haji Abdullah menjelaskan sedemikian dalam ucapan alu-aluannya pada Majlis Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kurang Upaya (OKU) yang berlangsung di Aras 2, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassan Bolkiyah, di sini.

Sharifah Adila Surya berkata, SMARTER Brunei setakat ini mempunyai sejumlah 35 pelajar yang berumur antara 12 dan 36 tahun dengan pelbagai sokongan daripada para individu.

Jelasnya lagi, sejak Pusat Autisme Brunei Dewasa (Brunei Autisme Centre for Adults - BACA) dimulakan pada 2008 dengan Program CBT (Competency Based Training) yang merupakan permulaan Program Pekerjaan dengan menawarkan Program Perantis.

Pada 2014, katanya, pusat berkenaan diberikan peluang dari pihak Kedutaan Amerika Syarikat untuk membantu memulakan SMARTER Washington Bakery yang turut menyumbang program pekerjaan pusat tersebut.

Pada tahun 2018, menurutnya, dengan penubuhan SMARTER Bistro dan Café, mengukuhkan lagi program pekerjaan pusat itu, sekali gus menyokong dan

membukakan peluang pekerjaan.

Program Perantis bagi yang berumur 12 sehingga 18 tahun itu terangnya, akan melalui enam jenis di bawah Program CBT, iaitu komputer, latihan pejabat, elektrik dan elektronik, 3R (Recycle, Reuse, Reduce), labelling dan pembantu kedai.

Beliau menambah, sejak Bistro dan Café ditubuhkan dua tahun lalu, banyak membantu para autisme dewasa mendapatkan pekerjaan.

Dari itu, katanya, graduasi hari ini bukan sahaja menghargai kerja keras mereka sepanjang dua tahun itu akan tetapi bagi meraikan berikutan perusahaan kecil, iaitu kafe dan bistro serta program berkenaan yang mampu menjana lebih sepuluh ribu ringgit yang merupakan pencapaian besar bagi perusahaan yang menggunakan khidmat pekerja autisme dewasa.

Hadir bagi sama-sama memeriahkan sambutan berkenaan ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri

Paduka Haji Abidin.

Yang Berhormat juga menyempurnakan penyampaian sijil pencapaian kepada para pelajar yang berjaya pada sesi kali ini.

Terdahulu, majlis diserikan dengan acara persembahan daripada para pelajar yang bertepatan dengan tema tahun ini, iaitu 'Building back better towards an inclusive, accessible and sustainable post COVID-19 world' dan 'Not All Disabilities Are Visible'.

Tema ini bertepatan dengan Pelan Tindakan Orang Kelainan Upaya yang bertujuan untuk memastikan OKU mendapat hak yang sama rata dan *leave no one behind* bagi pembangunan dan pemeraksanaan dalam semua aspek melalui sokongan padu daripada pihak kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, pihak swasta dan juga masyarakat.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

**Berita dan Foto :**  
**Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**

# Tahlil sempena HAOKU 2020



**YANG** Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir pada Majlis Bertahlil sempena Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya, di Kubah Makam Diraja.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 3 Disember. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) mengadakan Majlis Bertahlil bagi paduka ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Pengiran Bendahara Pengiran

Anak Abdul Rahman, bertempat di Kubah Makam Diraja, di sini.

Hadir, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil, dipimpin oleh Ketua Guru Ugama Pusat Bahagia Brunei dan Muara, Kampung Pulaie, Awang Haji Mayadi bin Haji Jais.

Acara kemudiannya diteruskan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, di Masjid Ash-Shaliheen, Jalan Perdana Menteri.

Juga hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap KKBS; Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU) dan persatuan-persatuan di bawahnya; juga ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan di bawah KKBS.

Majlis Bertahlil yang diadakan bersempena Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (HAOKU) yang disambut setiap tahun, pada 3 Disember tersebut, antara lain adalah sebagai sebuah pengiktirafan terhadap golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) selaku sebahagian daripada masyarakat, malahan mereka merupakan pelengkap masyarakat di Negara Brunei Darussalam.

Tujuan majlis ini diadakan adalah juga bagi memastikan penglibatan (*inclusivity*) golongan

OKU di dalam aktiviti-aktiviti keagamaan dan aktiviti-aktiviti lain yang bermanfaat juga berkebakikan.

Di samping itu, dengan adanya majlis ini, ia menggambarkan rangkaian kerjasama yang kukuh di antara pelbagai pihak, sama ada daripada agensi kerajaan, rakan-rakan strategik, terutama sekali di antara MKOKU dan persatuan-persatuan di bawah MKOKU demi sama-sama menjaga kesejahteraan juga kebajikan golongan OKU secara holistik dalam menanai usaha sama yang jitu atau a Whole of Nation Approach.

Majlis ini dianjurkan dengan kerjasama MKOKU, terdiri daripada sembilan buah persatuan di bawahnya, iaitu Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam; Persatuan PAPDA; SMARTER; KACA; Brunei Darussalam National Association of the Blind (BDNAB); Orang Kurang Pendengaran (OKP); Learning Ladders Society; Persatuan Down Syndrome; dan Special Olympic Brunei Darussalam (SOBD).

Tema Sambutan HAOKU pada tahun ini ialah 'Bukan Semua Kekacatan Itu Nampak Dari Mata Kasar' (Not All Disabilities Are Visible).

## Meraikan Hari Antarabangsa OKU

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



**PENOLONG** Ketua Pusat Pentadbiran, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Nazirulmubin bin Ahad semasa menyampaikan ceramah.

**BERAKAS**, Khamis, 3 Disember. - Bersempena dengan Memperingati Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (OKU)

yang disambut setiap tahun pada 3 Disember, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah sempena Hari Antarabangsa (HAOKU) di Masjid Ash-Shaliheen, Jalan Perdana Menteri, di sini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Terdahulu, Sembahyang Fardu Asar Berjemaah diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid berkenaan, Awang Haji Md. Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran, diikuti dengan ceramah bertajuk 'Mencapai Wawasan Brunei 2035



Bersama-sama OKU' yang disampaikan oleh Penolong Ketua Pusat Pentadbiran, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Nazirulmubin bin Ahad.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran yang dibacakan oleh Imam masjid berkenaan.

Majlis Doa Kesyukuran tersebut bertujuan sebagai sebuah pengiktirafan terhadap golongan OKU sebagai sebahagian daripada masyarakat di negara ini, bahkan mereka ini merupakan pelengkap masyarakat di Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, ia juga bagi memastikan penglibatan (*inclusivity*) golongan OKU dalam aktiviti-aktiviti keagamaan serta aktiviti-aktiviti lain yang bermanfaat dan berkebakikan.

Selain itu, dengan adanya majlis ini, ia menggambarkan rangkaian kerjasama yang kukuh di antara

**YANG** Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (tiga, kanan) hadir pada Majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah sempena Hari Antarabangsa OKU di Masjid Ash-Shaliheen (atas). Manakala gambar bawah kiri, sebahagian jemaah yang hadir.

pelbagai pihak, sama ada dari agensi kerajaan, rakan-rakan strategik, terutama sekali di antara Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU) dan persatuan-persatuan di bawah MKOKU demi sama-sama menjaga kesejahteraan serta kebajikan golongan OKU secara holistik dalam menanai usaha sama yang jitu ataupun Whole of Nation Approach.

Majlis tersebut dianjurkan dengan kerjasama MKOKU yang terdiri daripada sembilan buah persatuan di bawahnya iaitu; Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam; Persatuan Orang-orang Cacat Berkerusi Roda dan Orang-orang Cacat Anggota (PAPDA); SMARTER; KACA;

Brunei Darussalam National Association of the Blind (BDNAB); Orang Kurang Pendengaran (OKP); Learning Ladders Society; Persatuan Down Syndrome; dan Special Olympic Brunei Darussalam (SOBD).

Tema sambutan Hari Antarabangsa OKU pada tahun ini ialah 'Bukan Semua Kekacatan itu Nampak Dari Mata Kasar' (Not All Disabilities Are Visible).

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap KKBS.





## IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

**TARIKH IKLAN : 05 DISEMBER 2020**

**TARIKH TUTUP : 19 DISEMBER 2020**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG BOLEH DILAYARI [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn). TATACARA PERMOHONAN DAN JUGA LAIN-LAIN MAKLUMAT SILA KUNJUNGI RUANGAN QUICKLINKS DAN FAQ'S DI PORTAL BERKENAAN

Sebarang pertanyaan mengenai keputusan-keputusan *shortlisting*, hal ehwal ujian dan temu duga hendaklah menghadapkan ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui e-mel [query@spa.gov.bn](mailto:query@spa.gov.bn)



JABATAN ADAT ISTIADAT  
NEGARA  
JABATAN PERDANA MENTERI

### NOTIS SEBUT HARGA

**Bilangan Tawaran :**  
JAIN / 9 / 2001

**Tajuk Tawaran :**  
Pembekalan Komputer Desktop  
Jabatan Adat Istiadat Negara

**Tarikh tutup / jam :**  
Selasa,  
5 Januari 2021  
(9.00 Pagi)



JABATAN PENTADBIRAN DAN  
PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN

### SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN KANTIN

**1. BILANGAN SEBUT HARGA**  
DA / JKSH / 116 / 2020 / 2021  
[BPPA-DIS-2020]

**KETERANGAN**  
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN  
KANTIN BAGI  
SEKOLAH TINGGI PEREMPUAN  
RAJA ISTERI,  
DAERAH BRUNEI MUARA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN  
[KANTIN BAHAGIAN BLOK 'B']

**2. BILANGAN SEBUT HARGA**  
DA / JKSH / 117 / 2020 / 2021  
[BPPA-DIS-2020]

**KETERANGAN**  
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN  
KANTIN BAGI  
MAKTAB DULI PENGIRAN MUDA  
AL-MUHTADEE BILLAH,  
DAERAH BRUNEI MUARA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN  
[KANTIN BAHAGIAN BLOK 'B']

**3. BILANGAN SEBUT HARGA**  
DA / JKSH / 118 / 2020 / 2021  
[BPPA-DIS-2020]

**KETERANGAN**  
SEBUT HARGA  
PERKHIDMATAN  
KANTIN BAGI  
SEKOLAH MENENGAH  
MENGLAIT,  
DAERAH BRUNEI MUARA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN  
[KANTIN BAHAGIAN BLOK 'A']

**4. BILANGAN SEBUT HARGA**  
DA / JKSH / 119 / 2020 / 2021  
[BPPA-DIS-2020]

### KETERANGAN SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI

SEKOLAH MENENGAH  
SAYYIDINA HUSSAIN,  
DAERAH BRUNEI MUARA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN  
[KANTIN BAHAGIAN BLOK 'A']

**5. BILANGAN SEBUT HARGA**  
DA / JKSH / 120 / 2020 / 2021  
[BPPA-DIS-2020]

**KETERANGAN**  
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN  
KANTIN BAGI  
SEKOLAH MENENGAH  
SAYYIDINA HASAN,  
DAERAH BRUNEI MUARA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN  
[KANTIN BAHAGIAN BLOK 'B']

**6. BILANGAN SEBUT HARGA**  
DA / JKSH / 121 / 2020 / 2021  
[BPPA-DIS-2020]

**KETERANGAN**  
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN  
KANTIN BAGI  
SEKOLAH RENDAH  
PERPINDAHAN LAMBAK KANAN  
JALAN 10,  
DAERAH BRUNEI MUARA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

**7. BILANGAN SEBUT HARGA**  
DA / JKSH / 122 / 2020 / 2021  
[BPPA-DIS-2020]

**KETERANGAN**  
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN  
KANTIN BAGI  
SEKOLAH MENENGAH RIMBA,  
DAERAH BRUNEI MUARA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN  
[KANTIN BAHAGIAN BLOK 'B']

**8. BILANGAN SEBUT HARGA**  
DA / JKSH / 123 / 2020 / 2021  
[BPPA-DIS-2020]

**KETERANGAN**  
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN  
KANTIN BAGI  
SEKOLAH RENDAH KAPOK,  
MUARA,  
DAERAH BRUNEI MUARA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

**9. BILANGAN SEBUT HARGA**  
DA / JKSH / 124 / 2020 / 2021  
[BPPA-DIS-2020]

**KETERANGAN**  
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN  
KANTIN BAGI  
SEKOLAH RENDAH  
SULTAN UMAR ALI SAIFUDDIEN,  
MUARA,  
DAERAH BRUNEI MUARA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

**10. BILANGAN SEBUT HARGA**  
DA / JKSH / 125 / 2020 / 2021  
[BPPA-DIS-2020]

**KETERANGAN**  
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN  
KANTIN BAGI  
SEKOLAH SUKAN,  
DAERAH BRUNEI MUARA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

**11. BILANGAN SEBUT HARGA**  
DA / JKSH / 126 / 2020 / 2021  
[BPPA-DIS-2020]

**KETERANGAN**  
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN  
KANTIN BAGI  
SEKOLAH MENENGAH SAYYIDINA  
OTHTMAN,  
DAERAH TUTONG  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN  
[KANTIN BAHAGIAN BLOK 'A']

**12. BILANGAN SEBUT HARGA**  
DA / JKSH / 127 / 2020 / 2021  
[BPPA-DIS-2020]

**KETERANGAN**  
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN  
KANTIN BAGI  
SEKOLAH MENENGAH PENGIRAN  
ANAK PUTERI  
RASHIDAH SA'ADATUL BOLKIAH,  
DAERAH BELAIT,  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN  
[KANTIN BAHAGIAN BLOK 'A']

**13. BILANGAN SEBUT HARGA**  
DA / JKSH / 128 / 2020 / 2021  
[BPPA-DIS-2020]

**KETERANGAN**  
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN  
KANTIN BAGI  
SEKOLAH MENENGAH PENGIRAN  
ANAK PUTERI  
RASHIDAH SA'ADATUL BOLKIAH,  
DAERAH BELAIT,  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN  
[KANTIN BAHAGIAN BLOK 'B']

**TARIKH TUTUP DAN WAKTU :**  
19 DISEMBER 2020  
[ Tidak lewat jam 9.00 Pagi ]





**JABATAN BELIA DAN SUKAN  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**JABATAN BELIA DAN SUKAN  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN  
BELIA DAN SUKAN**

**BIL. ( 16 ) JBS / ADM / UP / 2020**

**1. BIL TAWARAN  
(105) JBS / ADM / QC / 2020**

**KETERANGAN  
MEMBEKALKAN  
PERALATAN LATIHAN  
TAEKWONDO BAGI SKIM  
JABATAN BELIA DAN SUKAN**

**2. BIL TAWARAN  
(106) JBS / ADM / QC / 2020**

**KETERANGAN  
REPAIR EXISTING OUTDOOR  
MULTIPURPOSE SPORT SURFACE  
AT TEMBURONG SPORT  
COMPLEX**

**3. BIL TAWARAN  
(107) JBS / ADM / QC / 2020**

**KETERANGAN  
GENERAL BUILDING TERM  
MAINTENANCE  
FOR A PERIOD OF TWELVE (12)  
MONTHS FOR :**  
1. BERAKAS SPORTS COMPLEX  
2. MENGLAIT SPORTS COMPLEX

**4. BIL TAWARAN  
(108) JBS / ADM / QC / 2020**

**KETERANGAN  
GENERAL BUILDING TERM  
MAINTENANCE  
FOR A PERIOD OF TWELVE (12)  
MONTHS FOR :**  
1. SQUASH CENTRE, HBNSC  
2. LAWN BALL, HBNSC  
3. PETANQUE COURT, HBNSC

**4. TOP SPINNING  
(GELANGGANG GASING), HBNSC**

**5. BIL TAWARAN  
(109) JBS / ADM / QC / 2020**

**KETERANGAN  
GENERAL BUILDING TERM  
MAINTENANCE FOR A PERIOD  
OF TWELVE (12) MONTHS FOR :**  
1. MULTIPURPOSE HALL AND  
PEDESTRIAN MALL  
2. YOUTH CENTRE, BANDAR SERI  
BEGAWAN

**6. BIL TAWARAN  
(110) JBS / ADM / QC / 2020**

**KETERANGAN  
PLUMBING WORKS -  
REPLACEMENT OF 4" DIAMETER  
WATER SUPPLY G.I PIPE TO  
HDPE PIPE INDOOR STADIUM  
(PHASE I)**

**TARIKH TUTUP :**  
Selasa, 15 Disember 2020 /  
29 Rabiulakhir 1442  
[ Tidak Lewat Jam 9.00 Pagi ]



**UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT  
DIVISIYEN PENGURUSAN KORPORAT  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**NOTIS SEBUT HARGA**

**BIL. SEBUT HARGA :**  
KPN / IT / 002 / 02.7 /  
2020 / Q31

**TO SUPPLY BARRACUDA  
BACKUP SERVER  
LICENSE RENEWAL**

**TARIKH TUTUP :**  
Isnin,  
21 Disember 2020  
[ sebelum 9.00 Pagi ]



**JABATAN  
PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
KEMENTERIAN TENAGA**

**JEMPUTAN UNTUK  
MEMBERI TAWARAN  
JABATAN PERKHIDMATAN  
ELEKTRIK**

**BILANGAN TAWARAN :**  
JPE / LTK / PSP / 037 / 2020

**TAJUK TAWARAN :**  
PROPOSED 66KV PERDAYAN  
SWITCHYARD, TEMBURONG



**TARIKH TUTUP :**  
29 DISEMBER 2020 / SELASA  
(JAM 2.00 PETANG)



**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**NOTIS SEBUT HARGA**

**BILANGAN TAWARAN :**  
RTB / K / 155 / 20 - 21

**TAJUK TAWARAN :**  
SUPPLY AND DELIVERY OF  
OUTSIDE BROADCAST LIGHTING  
EQUIPMENT FOR ASEAN SUMMIT  
2021

**TARIKH TUTUP :**  
Rabu,  
30 Disember 2020  
(2.00 Petang)



**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**NOTIS SEBUT HARGA**

**BILANGAN TAWARAN :**  
RTB / 07 / 2020

**TAJUK TAWARAN :**  
SUPPLY, DELIVERY,  
INSTALLATION,  
TESTING AND  
COMMISSIONING OF HD VIDEO  
PRODUCTION SYSTEM  
ON FLIGHT CASE FOR  
ASEAN SUMMIT 2021

**TARIKH TUTUP :**  
Selasa, 5 Januari 2021  
(2.00 Petang)



**JABATAN DAERAH BELAIT  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

**BILANGAN TAWARAN :**  
JDB / BKPD / SH / 36 / 2020

**TAJUK TAWARAN :**  
PROJEK MENIMBUK TANAH  
UNTUK KEMUDAHAN  
LETAK KERETA  
BAGI ECO PELANCONGAN DI  
RUMAH PANJANG TERAJA  
MUKIM LABI



**TARIKH TUTUP :**  
SELASA, 15 DISEMBER 2020



**JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN  
SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**PEMBERITAHUAN  
SEBUT HARGA  
JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN  
SUMBER-SUMBER UTAMA  
DAN PELANCONGAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
IKAN / 78(Q) / 0068 / 2020

**TAJUK SEBUT HARGA :**  
'TO PROVIDE TECHNICAL  
SERVICE FOR FISHERIES  
PRODUCTS (SHRIMP MEAT) IN  
COMPLIANCE TO ISO/IEC 17025  
STANDARDS COMPLETE WITH  
LOGO OF ACCREDITATION  
BODIES (SMM, SAC SINGLAS,  
UKAS) ON TEST RESULT  
REPORTS'

**TARIKH TUTUP SEBUT HARGA :**  
ISNIN,  
21 DISEMBER 2020,  
JAM 2.00 PETANG





**MAHKAMAH TINGGI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DALAM  
MAHKAMAH TINGGI  
DI NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM  
DI BANDAR SERI BEGAWAN**

**KES NO. BCY / CP / 490 / 2019**

**BIBD AT-TAMWIL BERHAD**  
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**SABRI HISYAM BIN HASSAN  
(BPIC No. 01-068322)**  
- Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **2 Julai 2020**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-2) Mahkamah Besar** pada **7 Disember 2020, jam 10.15 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan diperjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **7 Disember 2020, jam 10.15 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh : 10hb November 2020

**KES NO. BCY / CP / 169 / 2020**

**BANK ISLAM BRUNEI  
DARUSSALAM**

- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**SHARDIY BIN DULLAH  
(BYIC No. 00-278049)**  
- Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **9 Mei 2019**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-2) Mahkamah Besar** pada **8hb Disember 2020, jam 10.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat

dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan diperjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **8hb Disember 2020, jam 10.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh : 19hb November 2020

**HAJAH NOOR AMALINA BINTI  
DP HAJI ALAIHUDDIN**

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

**KES NO. BCY / CP / 201 / 2020**

**BIBD AT-TAMWIL BERHAD**  
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**MOHAMAD IKHWAN SHAFIQ BIN  
MOHAMAD SHAMSUL  
(BYIC No. 01-068849)**  
- Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **3 Oktober 2020**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-5) Mahkamah Besar** pada **7hb Disember 2020, jam 2.15 Petang**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan diperjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **7hb Disember 2020, jam 2.15 Petang** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh : 27 Oktober 2020

**NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN**  
b/p. Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar



**JABATAN KAJICUACA  
BRUNEI DARUSSALAM  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
DAN INFOKOMUNIKASI**

**JABATAN KAJICUACA  
BRUNEI DARUSSALAM  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
DAN INFOKOMUNIKASI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TAWARAN BAGI :  
'THE REFURBISHMENT OF THE  
STAFF ROOM AND MEETING  
ROOM AT METEOROLOGICAL  
FORECASTING SERVICES UNIT,  
OPERATIONAL  
METEOROLOGICAL SECTION,  
BIA'**



**BILANGAN TAWARAN :  
JKBD / 2020 / SH-31**

**TARIKH TUTUP :  
Rabu, 23 Disember 2020,  
[ tidak lewat  
jam 2.00 Petang ]**

[ Tidak lewat jam 9.00 Pagi ]



**MAHKAMAH MAJISTRET  
DAERAH TEMBURONG**

**MAHKAMAH MAJISTRET  
DAERAH TEMBURONG  
JABATAN KEHAKIMAN NEGARA**

**DI DALAM MAHKAMAH  
PEGAWAI WARIS, TEMBURONG**

**SURAT KUASA PUSAKA  
NO. TEMB / LA / 04 / 2020**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJAH TIMAH BINTI HAJI AMAT** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI AHMAD BIN SUROH** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa

permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH MAJISTRET DAERAH TEMBURONG** pada **12 DISEMBER 2020, jam 9.30 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **PEGAWAI WARIS, DAERAH TEMBURONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 25 November 2020.

**(HAJAH FAUZI HANA  
BINTI HAJI MOHAMAD)**  
Pendaftar Mahkamah Rendah  
b.p Pegawai Waris  
Mahkamah Daerah Temburong  
Negara Brunei Darussalam.



**JABATAN PENTADBIRAN DAN  
PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**SEBUT HARGA MEMBEKAL,  
MENGHANTAR DAN MEMASANG**

**1. BILANGAN SEBUT HARGA  
DA / JKSH / 129 / 2020 / 2021  
[PKI-DIS-2020]**

**KETERANGAN  
SEBUT HARGA MEMBEKAL  
DAN MENGHANTAR  
PEMBELIAN PERALATAN DAN  
PERABOT BAGI PUSAT  
KEUSAHAWANAN INOVASI (PKI),  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN  
2020 / 2021**

**TARIKH TUTUP DAN WAKTU :  
12 DISEMBER 2020**



**PEJABAT PEGUAM NEGARA  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**PEJABAT PEGUAM NEGARA  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**BILANGAN TAWARAN :  
PPN / ASSET / BUU / QTN / 2020 / 11  
/ 2**

**NAMA TAWARAN :  
QUOTATION FOR SUPPLY  
AND INSTALL ANDROID  
TELEVISIONS FOR  
TUJUH SERANGKAI  
MEETING ROOM,  
FIRST FLOOR, LAW BUILDING,  
ATTORNEY GENERAL'S  
CHAMBERS,  
JALAN RAJA ISTERI PENGIRAN  
ANAK SALEHA,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH TUTUP :**

**SELASA,  
15 DISEMBER 2020  
2.00 PETANG**



## Apa Pendapat Biskita?

### Percutian di dalam negara tak kurang seronoknya

**K**ATA orang, 'Jauh berjalan, luas pandangan' yang bermaksud semakin banyak kita mengembara, maka semakin banyaklah pengalaman yang ditimba. Oleh itu, ada orang yang suka melancong ke luar negara untuk melihat budaya dan rupa bentuk bumi negara orang. Namun begitu, yang menjadi tanda tanya, wajarkah kita mengetepikan destinasi pelancongan di negara sendiri? Oleh yang demikian, kita harus sedar bahawa banyak kemalahatannya jika kita sebagai warga Negara Brunei Darussalam melancong dalam negara sendiri.

"Sedar atau tidak, apabila kita melancong dalam negara, kita sebenarnya berpeluang untuk mengenali dengan lebih dekat akan destinasi pelancongan, kebudayaan dan warisan negara sendiri. Sebenarnya negara kita kaya dengan pelbagai keindahan khazanah alam semula jadi seperti Taman Negara Ulu Temburong, wasai-wasai yang terdapat di negara kita, muzium dan banyak lagi. Sementelahan pula, masyarakat majmuk di negara kita telah mewujudkan kepelbagaian budaya dari segi kesenian, perayaan dan makanan. Dengan kata lain, kita akan lebih memahami budaya dan adat resam pelbagai puak di negara kita jika melancong dalam negara. Oleh yang demikian, akan timbullah perasaan bangga dan cinta akan tanah air". - **Ali Md Isham, BSB.**

"Pada pendapat saya, pertambahan bilangan pelancong domestik mampu menjana pertumbuhan ekonomi negara. Hal ini, secara tidak langsung akan menambah peluang pekerjaan dan perniagaan. Misalnya, industri perhotelan, taman tema, restoran dan pusat membeli-belah yang sinonim dengan industri pelancongan akan menawarkan banyak peluang pekerjaan dan perniagaan jika sektor ini berkembang. Pelbagai bidang kerjaya boleh dicipta daripada bahagian pengurusan hinggalah ke bahagian khidmat pelanggan. Kita tidak boleh terlalu bergantung kepada kemasukan pelancong asing yang dipengaruhi oleh banyak faktor seperti wabak penyakit dan keselamatan global. Tuntasnya, pelancong tempatan memberikan impak yang besar kepada kemajuan industri pelancongan domestik". - **Nor Fazura Haji Ishak, Telanai.**

"Jika kita renungkan sejenak, kita akan mendapati bahawa apabila kita melancong dalam negara kita dapat menjimatkan kos. Realitinya, jika berhajat untuk melancong ke luar negara, kita memerlukan bajet yang besar untuk tambang pengangkutan, tempat penginapan, dan makan minum. Hal ini, akan lebih membebaskan jika melibatkan kadar tukaran wang kerana kadang kala negara yang ingin kita lawati, kadar tukaran wangnya lebih tinggi daripada mata wang kita. Kelebihan yang kita peroleh apabila melancong dalam negara ialah kita diberikan potongan harga atau diskaun oleh pihak hotel malahan, kita boleh memandu kenderaan sendiri untuk bergerak dari suatu destinasi ke suatu destinasi, bukannya itu akan menyelamatkan bajet kita. Deduksinya, jika hendak melancong ukurlah baju di badan sendiri kerana jika kita melancong dalam negara, kita tidak perlu berbelanja besar". - **Kamarulzaman Hamadi bin Zainal, Gadong.**

"Aktiviti melancong dalam negara mampu menjadi wadah untuk merapatkan hubungan kekeluargaan. Hal ini disebabkan kos melancong dalam negara yang secara relatifnya lebih murah daripada melancong ke luar negara. Oleh itu, ibu bapa boleh membawa ahli keluarga dalam bilangan yang lebih besar, terutamanya anak-anak. Pada kesempatan ini, sambil berseronok mengunjungi pelbagai destinasi pelancongan pilihan, ibu bapa dapat meluangkan masa dengan anak-anak dan sekali gus akan memperkukuh ikatan kekeluargaan ibarat sambil menyelam minum air. Ringkasnya, ketika musim cuti sekolah, ibu bapa ambillah peluang yang ada untuk membawa anak-anak melancong untuk menyuburkan ikatan ukhuwah antara ahli keluarga". - **Hizza @ HS, Kiulap.**

Bagi pendapat saya selaku penulis ruangan ini, pelancong domestik mampu memacu kepada iklim ekonomi yang memberangsangkan. Pada masa yang sama, dapat menyemai semangat patriotik yang seterusnya memperkukuh jati diri rakyat tempatan. Oleh itu, pelbagai prakarsa untuk memajukan industri pelancongan domestik hendaklah disokong oleh warga tempatan demi kelestarian industri berkenan. Janganlah kita menjadi sokong yang membawa rebah. Akhirkalam, melanconglah agar kita tidak menjadi seperti katak di bawah tempurung.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.  
Sila e-melkan pendapat biskita ke :  
pelita.brunei@information.gov.bn

- i. Hargai Sumbangan Pekerja Awda.
- ii. Usaha Membantu Golongan OKU.

# Ujian awal mampu cegah penularan HIV



**YANG** Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Yang Di-Pertua Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Sidang Media sempena Sambutan Hari AIDS Sedunia 2020.

**BERAKAS**, Khamis, 3 Disember. - Negara Brunei Darussalam (NBD) tidak mempunyai jangkitan COVID-19 di peringkat komuniti selama lebih tujuh bulan.

Ini dapat dicapai kerana tindak balas yang pantas dan tegas dari Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui koordinasi padu dari Kementerian Kesihatan.

Perkara ini dinyatakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad selaku Yang Di-Pertua Majlis AIDS NBD semasa Majlis Sidang Media sempena Sambutan Hari AIDS Sedunia 2020, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Sebahagian dari strategi ini jelas Yang Berhormat, termasuk penggunaan pengujian COVID-19 yang luas untuk mengesan COVID-19 lebih awal sehingga intervensi awal dapat dilakukan untuk membatasi penyebarannya.

"Walaupun berbeza dalam banyak hal, pengesanan awal HIV melalui ujian, juga merupakan komponen penting bagi tindak balas terhadap wabak HIV. Ujian HIV awal membawa kepada diagnosis awal. Ini tidak hanya memastikan bahawa mereka yang telah dijangkiti HIV boleh diberi rawatan awal

bagi memastikan mereka menjalani kehidupan seperti biasa, malahan rawatan awal juga membantu mencegah penularan penyakit selanjutnya," jelas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, orang yang dijangkiti HIV menjalani rawatan berterusan dan mempunyai *viral load* yang tidak dapat dikesan (*undetectable*) tidak akan dapat menjangkiti orang lain (*untransmissible*) (*undetectable = untransmissible*).

"Awal tahun ini, Majlis AIDS memperkenalkan program saringan yang bertujuan untuk mewujudkan tempat yang selamat untuk lelaki diuji dan memberikan ujian ini secara percuma sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk mendorong lebih ramai lelaki untuk melakukan ujian saringan tersebut. Program ini telah menjalankan lebih daripada 100 ujian saringan dan memastikan bahawa sesiapa yang telah diuji positif akan terus dirujuk untuk mendapatkan rawatan pakar," terang Yang Berhormat.

Kejayaan program ini, ujar Yang Berhormat, mendorong Majlis AIDS untuk bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan untuk meningkatkan akses ujian HIV secara sulit dan tidak diskriminatif.

Kata Yang Berhormat, bersempena Hari AIDS Sedunia 2020 tahun ini, Majlis AIDS dan Kementerian Kesihatan bekerjasama untuk mengedarkan sejumlah kecil alat ujian HIV cepat (*rapid HIV test kits*) kepada beberapa buah klinik swasta yang terlibat di seluruh negara. Alat ujian ini akan digunakan oleh klinik-klinik tersebut untuk menguji mana-mana pihak yang mungkin berisiko jangkitan HIV.

"Untuk bulan ini, klinik-klinik ini dengan sukarela memberikan perkhidmatan ini secara percuma dengan menggunakan alat ujian saringan tersebut. Klinik-klinik ini telah dilatih untuk menyediakan persekitaran terbuka (*open environment*) dan tidak menghakimi (*non-judgemental*) bagi mereka yang mahu menjalani ujian saringan HIV. Setentunya, ini dapat memberi alternatif bagi

penyaringan jangkitan HIV, di samping ujian HIV yang terdapat di pusat-pusat kesihatan dan hospital-hospital kerajaan di seluruh negara.

"Program intervensi seperti ujian HIV perlulah juga digandingkan dengan pendidikan mengenai HIV dan AIDS, dan di sinilah pendidikan kesihatan reproduktif dapat memberi sedikit sebanyak kesedaran mengenainya, termasuklah pengetahuan mengenai jangkitan hubungan kelamin (*sexually transmitted infection*), keganasan berdasarkan jantina (*gender based violence*) dan hubungan yang sihat (*healthy relationships*)," ujar Yang Berhormat.

Program Saringan HIV di klinik swasta ini tambah Yang Berhormat, adalah untuk mengembangluaskan lagi pengesanan jangkitan HIV dalam kalangan masyarakat (di luar daripada kemudahan Kementerian Kesihatan) bagi menggalakkan individu-individu yang mempunyai risiko jangkitan HIV untuk mendapatkan ujian HIV bagi pengesanan awal penyakit dan seterusnya mendapatkan rawatan yang sewajarnya, demi menghalang penularan jangkitan HIV dan penyakit AIDS serta memperkukuh lagi pencegahan dan pengawalan jangkitan tersebut.

Program rintis BDAC sebelum ini juga kata Yang Berhormat, telah mendapat respons positif daripada individu-individu yang telah menjalani ujian saringan tersebut.

Program ini akan dijalankan mulai 3 Disember 2020 hingga 31 Disember 2020. Program Saringan HIV di klinik swasta ini akan menggunakan HIV Rapid Test Kit, di mana individu tersebut akan mendapat keputusan ujian saringan dalam jangka masa 15 ke 20 minit. Jika keputusan ujian adalah positif, individu tersebut akan dirujuk ke Kementerian Kesihatan bagi pengesanan dan rawatan selanjutnya, ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menyatakan bahawa individu yang berkelayakan akan dapat mengakses Ujian Saringan HIV secara percuma di beberapa buah klinik swasta di Daerah Brunei dan Muara (DBM), dan Daerah Belait.

Kelayakan bagi Ujian Saringan HIV adalah bagi warganegara dan penduduk tetap NBD yang berusia 16 tahun ke atas, tambah Yang Berhormat.

Pusat-pusat Kesihatan Swasta yang mengambil bahagian, antaranya Ammaan Medical Clinic, DBM; C.Y Lim Clinic, DBM; Dr Prema Clinic, DBM; Riverview Medical Clinic, DBM; Vitaliv Health and Wellness Clinic, DBM; Wholistica Clinic and Wellness, DBM; dan Panaga Health Centre, Daerah Belait.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Abdul Manap bin Othman; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan; Pengarah - pengarah, Pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan.



فجابت سوروهنجاي فر خدمتن عوام  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI 1, BRUNEI DARUSSALAM

**Apa boleh kami bantu?  
Hubungi kami.**

How can we help you today?  
Here's how to get in touch with us.

+673 7371961  
query@spa.gov.bn



# MKKJR memohon keberkatan sentiasa diberikan perlindungan

**KUALA BELAIT**, Khamis, 3 Disember. - Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) Negara Brunei Darussalam menyeru kepada semua pengguna jalan raya supaya meningkatkan kewaspadaan dengan memberikan tumpuan dan perhatian penuh ketika berada di jalan raya juga sentiasa mengamalkan sikap memandu yang berhemah.

Sehubungan itu, MKKJR mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil Senegara sempena Hari Memperingati Mangsa-Mangsa Lalu Lintas Jalan Raya Sedunia 2020.

Bagi Daerah Belait, majlis diadakan di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait, dihadiri oleh Pegawai Daerah

Belait, Awang Ramlee bin Haji Jamudin.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diimamkan oleh Imam Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait, Awang Haji Mohd. Alias bin Bakar.

Ini diikuti dengan Bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa, dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Akup bin Haji Lamat.

Majlis diteruskan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, diimamkan oleh Imam masjid berkenaan.

Majlis bertujuan bagi memohon keberkatan dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala untuk keselamatan negara ini, terutamanya pengguna-pengguna

jalan raya agar sentiasa diberikan perlindungan daripada kemalangan dan perkara-perkara yang tidak diinginkan.

MKKJR sehubungan itu, juga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam memastikan keselamatan jalan raya terjaga, termasuk daripada perancangan, penyediaan dasar, penguatkuasaan, petugas kecemasan, NGO-NGO juga orang ramai.

Semua pengguna jalan raya turut dinasihatkan agar dapat sama-sama mempunyai tanggungjawab dan memainkan peranan dalam menjaga diri kita sendiri juga orang di sekeliling, termasuk harta benda.

Sikap dan budaya

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

mengutamakan keselamatan jalan raya akan membantu kita mengelakkan kemalangan dan adalah penting bagi keselamatan semua.

## Bertanggungjawab menjaga keselamatan bersama

Oleh : Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong semasa hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil Senegara sempena Hari Memperingati Mangsa-Mangsa Lalu Lintas Jalan Raya Sedunia 2020, di Masjid Utama Muhammad Salleh, Pekan Bangar. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

**TEMBURONG**, Khamis, 3 Disember. - Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) Negara Brunei Darussalam menyeru kepada semua pengguna jalan raya supaya meningkatkan kewaspadaan dengan memberikan tumpuan dan perhatian penuh ketika berada di jalan raya juga sentiasa mengamalkan sikap memandu yang berhemah.

Sehubungan itu, MKKJR mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil Senegara sempena Hari Memperingati Mangsa-Mangsa Lalu Lintas Jalan Raya Sedunia 2020, di Masjid Utama Muhammad Salleh, Pekan Bangar.

Majlis dihadiri oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim. Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu selaku Penghulu Mukim Bokok.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diimamkan oleh Imam Masjid Utama Muhammad Salleh, Awang Norezam bin Zaini.

Ini diikuti dengan Bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa, dipimpin oleh Imam Masjid Utama Muhammad Salleh, Awang Norezam.

Majlis diteruskan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, diimamkan oleh Imam masjid berkenaan.

Majlis bertujuan bagi memohon keberkatan dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala untuk keselamatan negara ini, terutamanya para pengguna jalan raya agar sentiasa diberikan perlindungan daripada kemalangan dan perkara-perkara yang tidak diinginkan.

"Oleh itu, kita tidak boleh *complacent* (leka) dan perlu untuk terus meningkatkan lagi usaha-usaha kesedaran dan pembudayaan pemantauan berhemah bagi kesemua pengguna jalan raya," sabda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN) selaku Penaung Diraja Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR).

Sabda Khas YTM sempena Majlis Hari Memperingati Mangsa-Mangsa Lalu Lintas Jalan Raya Sedunia Tahun 2020 melalui tayangan video, di Dewan Amar Pahlawan, Bangunan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi tersebut, juga menegaskan, masyarakat perlu memberikan kerjasama kepada pihak-pihak yang berwajib, terutamanya polis trafik, dengan mematuhi peraturan jalan raya dan menggunakannya dengan berdisiplin dan selamat.

Sehubungan itu, semua pengguna jalan raya adalah dinasihatkan untuk sentiasa berwaspada, bertanggungjawab juga memainkan peranan masing-masing dalam sama-sama menjaga keselamatan bersama, iaitu keselamatan diri kita, keluarga, bahkan orang sekeliling, iaitu para pengguna jalan raya, termasuk harta benda, selain, bertolak ansur dan berbudi bahasa sesama pengguna jalan raya sentiasa.



PEGAWAI Daerah Belait hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil Senegara sempena Hari Memperingati Mangsa-Mangsa Lalu Lintas Jalan Raya Sedunia 2020, di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait.

## Tingkatkan kewaspadaan, berikan tumpuan



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong semasa hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil Senegara sempena Hari Memperingati Mangsa-Mangsa Lalu Lintas Jalan Raya Sedunia 2020, di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong.

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**TUTONG**, Khamis, 3 Disember. - Bagi memohon keberkatan dan keredaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala untuk keselamatan negara ini, terutamanya bagi para pengguna jalan raya agar sentiasa diberikan perlindungan daripada kemalangan dan perkara-perkara yang tidak diinginkan, Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil Senegara sempena Hari

Memperingati Mangsa-Mangsa Lalu Lintas Jalan Raya Sedunia 2020, petang tadi.

Bagi Daerah Tutong, tumpuan utama majlis tersebut diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, di sini.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa.

Majlis diteruskan dengan Sembahyang Fardu Isyak

Berjemaah yang diimamkan oleh Imam Tingkat I, Awang Abdul Hafiy bin Yahya.

Antara yang hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohd. Amirul Hadi bin Haji Mohd. Tajudin, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan orang perseorangan.

MKKJR menyeru kepada semua pengguna jalan raya supaya meningkatkan kewaspadaan dengan memberikan tumpuan dan perhatian penuh ketika berada di jalan raya dan sentiasa mengamalkan sikap memandu yang berhemah.

# D.O.A hargai jasa, sumbangan sukarelawan

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Khamis, 3 Disember. - Kempen Hari Bertindak (Day of Action - D.O.A) bertujuan untuk menggerakkan dan mempertingkatkan semangat sukarelawan dalam kalangan masyarakat dengan mengadakan

maraton kerja sukarela di keempat-empat daerah dengan penglibatan daripada agensi kerajaan, swasta dan pergerakan-pergerakan bukan kerajaan.

Diadakan bersempena Sambutan



PEMANGKU Pesuruhjaya Persatuan Pengakap Daerah Tutong, Skip Assistant Commissioner of Police (B) Haji Murad bin Haji Abdul Hadi menyampaikan cenderahati kepada Awang Mohammad Khairul Nazif.

## Johan MTQBK milik Ak. Adi Nazri, Dk. Fauziah Nadhirah

Dari muka 15

Yang Berhormat menambah, di mana di sinilah mustahaknya akhlak dan daya ketahanan minda yang utuh supaya belia celik dan berakhlak Al-Quran, sentiasa berada dalam landasan yang betul juga menjauhi perkara-perkara yang keji.

"Oleh itu, jadikanlah Al-Quran sebagai petunjuk jalan serta sebagai utap dan benteng daripada pengaruh yang bertentangan dengan ajaran agama Islam. Contohilah akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai cermin ikutan dalam kehidupan seharian kita," tegas Yang Berhormat.

MTQBK merupakan program anjuran KKBS yang mula dilaksanakan sejak dari tahun 1980-an dan berjaya melahirkan ramai qari dan qariah belia berkaliber, seterusnya mampu bersaing di peringkat yang lebih tinggi.

Di samping itu, ia juga berperanan sebagai wadah kepada qari dan qariah belia di negara ini untuk melihat keupayaan juga prestasi masing-masing, khususnya dalam bidang pembacaan Al-Quran secara berlagu atau tarannum.

Seramai lima qari (termasuk Johan Menunggu Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 2019) dan tiga qariah memperdengarkan bacaan masing-masing di peringkat akhir tersebut.

Majlis turut menyaksikan persembahan tausyeh belia daripada Kumpulan Az Zayyan dan Gabungan Qari-qari Belia.

Sementara itu, pengumuman keputusan musabaqah disampaikan oleh Pengiran Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit selaku Pengerusi Jemaah Hakim.

Pada tahun ini, seramai 77 penyertaan dari keempat-empat daerah diterima, di mana mereka bertanding di peringkat saringan dan separuh akhir beberapa bulan lalu. MTQBK menyasarkan penyertaan para belia yang berumur di antara 15 hingga 30 tahun.

Antara tujuan musabaqah tersebut diadakan adalah bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan bagi Tahun 1996, pada 1 Jamadilakhir 1417 Hijrah bersamaan 13 Oktober 1996. Antara petikan titah baginda : "Hasrat kita yang tunggal ialah melihat generasi Al-Quran itu dikongsi sama oleh semua pihak dan golongan, terutama golongan belia. Kita akan merasa bangga dengan lahirnya belia-belia yang berwatak soleh. Bahawa salah satu tanda kesahihan itu ialah terlibatnya mereka dengan Al-Quran sama ada keterlibatan itu selaku pembaca biasa, mahupun sekali gus menjadi penghayat dan pengamal ajaran-ajarannya".

Selain menjadikan MTQBK berkenaan sebagai wadah bagi melahirkan qari dan qariah belia berpotensi tinggi sebagai pelapis qari dan qariah Negara Brunei Darussalam, ia juga untuk mempertingkatkan mutu pembacaan Al-Quran dalam kalangan belia.

Ia turut memupuk dan menyemai rasa persahabatan dalam kalangan peserta belia melalui program keagamaan, di samping sebagai persediaan pemilihan wakil negara ke Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara anjuran KKBS.

Hari Sukarelawan Antarabangsa, D.O.A bertujuan untuk mengumpul penggiat aktiviti sukarela dan para sukarelawan dalam sama-sama melaksanakan kerja-kerja sukarela, di samping untuk menghargai jasa dan sumbangan yang diberikan oleh penggiat aktiviti sukarela dan sukarelawan.

Sehubungan itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Cawangan Daerah Tutong, dengan kerjasama Persatuan Pengakap Daerah Tutong memulakan program pembuka Projek D.O.A yang berlangsung di Pusat Belia, Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Penolong Pensyarah, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Awang Mohammad Khairul Nazif bin Haji Awang Damit.

Ketua Cawangan JBS Tutong, Awang Kamil bin Awang Lamat ketika menyampaikan ucapan alu-aluan antara lain mengongsikan tujuan utama D.O.A, iaitu sebagai peluang unik bagi para sukarelawan dan organisasi untuk meraikan usaha mereka untuk berkongsi dan mempromosi kerja mereka dalam kalangan komuniti mereka, badan-badan bukan kerajaan, agensi-agensi kerajaan dan swasta.

Majlis turut diisikan dengan ceramah bertajuk 'Saya Sayang Saya dan Sayangi Alam Sekitar' disampaikan oleh tetamu kehormat, yang antara lain mengajak para peserta, terutama belia untuk sentiasa mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala, kerana Allah akan mempermudah urusan kita semua jika sentiasa ingat kepada-Nya.

Tetamu kehormat turut mengongsikan amalan zikir-zikir ringkas, seperti 'Ya Qawi' dan 'Ya Matiin', yang boleh diamalkan semasa melakukan kempen kebersihan, dan 'Ya Wadud' untuk menyatukan hati dan menjaga keharmonian keluarga, selain mengajak untuk sentiasa mengamalkan kebersihan dan memperbanyak sedekah.

"Walau dengan tiada faktor kewangan untuk bersedekah, tetapi dengan menjalankan aktiviti berkebajikan seperti kempen kebersihan ini, niatkan dan sedekahkan pahalanya untuk kedua ibu bapa kitani, insyaaAllah, Allah Subhanahu Wata'ala akan memudahkan urusan kitani," nasihatnya.

Atur cara diteruskan dengan Program D.O.A, iaitu acara pemasangan tong sampah dan mengutip sampah di sepanjang laluan mendaki Bukit Ambog di Taman Rekreasi Sungai Basong, Tutong.



PENOLONG Pensyarah, Fakulti Usuluddin, UNISSA, Awang Mohammad Khairul Nazif bin Haji Awang Damit semasa menyampaikan ceramahnya.

D.O.A tahun ini akan dikendalikan dalam tujuh kluster program, iaitu kemanusiaan dan kemasyarakatan; alam sekitar; pendidikan dan latihan; keagamaan; keusahawanan dan sosial; sukan dan kesihatan; dan kesenian.

Majlis Pelancaran Day of Action 2020 akan dijadualkan bermula pada 6 Disember hingga 31 Disember 2020 dengan pelaksanaan program dan aktiviti yang akan dijalankan oleh agensi-agensi yang dijemput bagi menyemarakkan sambutan ini.



PEMIMPIN Persatuan Pengakap Daerah Tutong meletakkan tong sampah untuk kegunaan pengunjung sebagai salah satu aktiviti Day of Action 2020.

## Berganding bahu bantu perkasa kualiti hidup golongan OKU

Dari muka 17

Kesinambungan dengan perkara itu, terang Yang Berhormat, strategi-strategi pelaksanaan dan pengukuhan mekanisme-mekanisme amat memerlukan penyertaan aktif golongan OKU secara berkesan dalam proses meningkatkan kualiti kehidupan OKU juga sama-sama melipatgandakan usaha bagi mencapai matlamat pembangunan masyarakat yang mampan.

"Usaha untuk mengadvokasi dan memperkasakan golongan OKU, di NBD, juga tidak akan dapat dilaksanakan tanpa kerjasama yang kuat dengan pertubuhan dan persatuan bukan kerajaan. Sehubungan dengan itu, adalah diambil kesempatan untuk

menghargai peranan penting yang dimainkan oleh MKOKU dan persatuan bersekutu, serta semua organisasi bukan kerajaan dan persatuan lain, yang memperjuangkan golongan OKU, dalam mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat untuk menyokong hak-hak OKU," ujar Yang Berhormat dalam perutusannya.

Sehubungan itu, tambah Yang Berhormat, sempena HAOKU ini, marilah kita mengambil peluang untuk mengukuhkan semangat agar sama-sama berganding bahu membantu memperkasakan dan meningkatkan kualiti hidup golongan OKU bagi menyumbang kepada pembangunan masyarakat.

"Marilah kita sama-sama meraikan dan menghargai

golongan OKU agar mereka berdikari dan menyumbang kepada kemajuan negara, sepertimana Wawasan Brunei 2035 untuk menjadi warga yang berilmu, berkemahiran dan bertamadun. Penghargaan yang tinggi juga diberikan terhadap pihak keluarga, penjaga-penjaga dan para pendidik, di atas pengorbanan, kasih sayang dan sokongan yang amat berharga dalam menjaga kesejahteraan, memotivasi dan memberi panduan terhadap golongan OKU agar berdikari dan berdaya tahan," tambah Yang Berhormat.

Di akhir perutusan, Yang Berhormat turut sama mengucapkan Selamat HAOKU kepada seluruh golongan OKU di NBD.



## Gagal melapor diri : Didenda

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 2 Disember. - Dua pertuduhan dihadapi dan dijatuhkan ke atas seorang wanita, warga tempatan, di Mahkamah Majistret, hari ini.

Majistret Mohammad Marzuqi bin Sabtu menjatuhkan hukuman denda BND300 atau tiga minggu penjara bagi setiap pertuduhan, di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27.

Majistret Mohammad Marzuqi juga menetapkan tempoh bayaran denda tersebut hingga 13 Januari 2021.

Defendan, Ernesuryanee binti Saleh didakwa, di bawah Peraturan 12(2)(a) akta yang sama yang diluluskan oleh Institusi Rawatan dan Pemulihan, 1987.

Defendan, Ernesuryanee gagal melaporkan diri sebanyak dua kali kepada Pegawai Pengawasan Biro Kawalan Narkotik, iaitu pada 17 Julai 2018; dan 28 Ogos 2018.

Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa, Sofimah binti Ramlee.

## Dadah : Didenda BND1,500

Oleh : Nooratini Haji Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 2 Disember. - Mahkamah Majistret, hari ini, menjatuhkan hukuman denda BND1,500 dan jika gagal, tiga bulan penjara ke atas seorang lelaki, warga tempatan.

Majistret Mohammad Marzuqi bin Sabtu menjatuhkan hukuman ke atas defendan, Awangku Raziman bin Pengiran Mohamad dan menetapkan tempoh hingga 10 Mac 2021 bagi membayar denda.

Defendan, Awangku Raziman didakwa bagi satu pertuduhan, di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27.

Dia ditangkap dalam serbuan oleh Pegawai-pegawai Biro Kawalan Narkotik, di Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Lambak Kiri, pada 24 Oktober 2017.

Defendan, Awangku Raziman bin Pengiran Mohamad didakwa kerana terlibat, di bawah Seksyen 6 (b) memakan dadah terkawal jenis 'A', Methylamphetamine, dalam pendakwaan yang dijalankan oleh Pegawai Pendakwa, Sofimah binti Ramlee.

## Didenda kerana dadah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 2 Disember. - Seorang wanita, warga tempatan, berumur 33 tahun, mengaku bersalah dan dijatuhkan hukuman denda BND1,500 atau tiga bulan penjara jika gagal, bagi setiap pertuduhan, di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27.

Majistret Mohammad Marzuqi bin Sabtu menjatuhkan hukuman tersebut, di Mahkamah Majistret, di sini dan menetapkan tempoh hingga 10 Mac 2021 bagi membayar denda berkenaan.

Defendan, Norsyaraeza binti

Sulaiman, tidak bekerja, didakwa bagi dua pertuduhan, di bawah Seksyen 6(b) memakan dadah terkawal, jenis 'A', Methylamphetamine, pada 17 November 2015; dan 11 Jun 2016.

Pada 17 November 2015, defendan bersama seorang lelaki terlibat dalam aktiviti penyalahgunaan dadah dalam serbuan oleh Pegawai-pegawai Biro Kawalan Narkotik (BKN), di sebuah *homestay*, Villa Al-Hidayat, di Kampung Salambigar.

Manakala pada 11 Jun 2016,

defendan sekali lagi didapati bersama empat lelaki, terlibat dalam aktiviti tersebut semasa serbuan oleh Pegawai-pegawai BKN, di Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati, Kampung Lambak Kiri.

Hasil ujian air kencing defendan bagi dua kesalahan ini mengandungi positif dadah.

Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa, Ainorazimah binti Zabidi menyatakan, defendan tidak mempunyai rekod kesalahan lalu, di bawah Seksyen 6(b).

## Curi : Dipenjara 18 bulan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 2 Disember. - Seorang lelaki warga tempatan yang tidak bekerja dijatuhi hukuman penjara 18 bulan di Mahkamah Majistret, di sini kerana mencuri sebuah motosikal Harley Davidson dan Mercedes-Benz GLE250d.

Majistret Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid membuat keputusan itu selepas tertuduh Muhammad Mustaqim bin Haji Abdul Wahab, 35 tahun, mengaku salah terhadap pertuduhan mengikut Seksyen 379 Kanun Jenayah kerana mencuri.

Mengikut pertuduhan, pada April 2019, tertuduh pergi ke Kampung Kiarong dan mencuri sebuah motosikal Harley Davidson Sportster dan seterusnya mengikat motosikal dengan menggunakan tali yang ada di dalam kenderaannya.

Selepas itu, tertuduh berserta rakan memasuki kereta dan memandu bersama-sama dengan motosikal. Walau bagaimanapun, motosikal tersebut jatuh terbabas. Tertuduh menolak motosikal tersebut ke sebuah sekolah berhampiran di Kampung

Kiarong dan kemudian meninggalkan motosikal di bawah pokok.

Manakala pada Jun 2019, tertuduh pergi ke Jalan Ban 2, Kampung Kilanas dan mencuri sebuah kereta Mercedes-Benz GLE 250d berwarna hitam yang kemudiannya membawa kereta tersebut bersama rakannya ke Kampung Tanjong Bunut.

Kemudian tertuduh diarahkan oleh rakannya untuk memandu kereta tersebut ke Kampung Telisai, di mana rakan tertuduh mengarahkannya untuk menyembunyikan kereta tersebut di suatu tempat di Kampung Danau, Tutong.

Pada hari berikutnya, rakan tertuduh menghantar tertuduh pulang ke Kampung Mulaut. Kemudian pada malam yang sama

tertuduh dan rakannya kembali ke Tutong, di mana mereka kemudian memandu kereta tersebut ke Kampung Panchor Murai dan menyembunyikannya.

Pada hari berikutnya, tertuduh menerima 3g Syabu daripada rakannya. Pendakwaan yang dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Sabrina binti Haji Mahmud.

## Akibat bersubahat, dihukum penjara 3 bulan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 3 Disember. - Akibat bersubahat mencuri harta benda milik Syarikat Shell Petroleum (BSP) Sendirian Berhad, seorang pengawal keselamatan dijatuhkan hukuman penjara tiga bulan oleh Mahkamah Majistret Kuala Belait.

Majistret Hajah Ervy Sufitriana binti Haji Abdul Rahman menjatuhkan hukuman tersebut ke atas Abd. Wafiy bin A. Mazlan, 30 tahun, selepas beliau mengaku bersalah mencuri dan bersubahat pada Ogos 2019.

Menurut fakta kes, defendan mengetahui bahawa mereka melakukan pencurian harta benda kepunyaan BSP yang disimpan di MCY. Defendan juga menerima wang BND200 yang dimasukkan ke dalam akaun beliau.

Walaupun defendan tidak pernah meminta wang tersebut tetapi defendan mengira bahawa wang tersebut sebagai hadiah atas bantuannya dalam membenarkan kenderaan untuk membawa barang yang dicuri keluar dari MCY.

Defendan mengakui bersubahat dalam melakukan pencurian barang-barang tersebut, di mana nilai barang curian tersebut adalah BND11,791. Hanya enam plat struktur dan dua kepingan kotak dengan nilai anggaran BND9,653 telah dijumpai.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Sabrina binti Haji Mahmud, manakala tertuduh diwakili oleh Peguam Pg. Mohd. Khairul Nizam bin Pg. Mohd. Yassin.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 3 Disember. - Seorang lelaki tempatan akan dikenakan hukuman penjara oleh Mahkamah Perantaraan dengan tujuh pertuduhan.

Hakim Harnita Zelda Skinner akan menjatuhkan hukuman itu terhadap Md. Zulkarnain bin Abd. Manaf, 30 tahun, tidak bekerja, selepas mengaku bersalah dan berdepan hukuman penjara.

Defendan didakwa menukar plat lesen kereta dan bertindak melarikan diri ketika pemeriksaan dijalankan semasa sekatan jalan raya pada 21 September 2017.

Defendan didakwa di bawah Seksyen 411 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman enam bulan hingga lima tahun penjara dan boleh dikenakan denda, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dijalankan Timbalan Pendakwa Raya, Nor 'Adliatul Hidayah binti Haji Mohd. Zaidi.

Menurut fakta kes, defendan telah menukar plat lesen kereta Vios yang didapati berbeza dengan nombor pendaftaran pada Cukai Jalan.

Defendan juga didapati memandu tanpa memiliki Lesen Memandu yang sah. Berikutan dengan kejadian tersebut, defendan dibawa ke Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas (JSKLL) untuk siasatan lanjut.

Setelah disiasat, defendan juga mengaku telah mengeluarkan plat lesen asli kereta Vios tersebut

yang berdaftar BP 2717 dan menggantinya dengan plat nombor BAA 8740.

Semasa berada di pejabat JSKLL, defendan turut dikeluarkan beberapa kesalahan, namun defendan segera meninggalkan pejabat tersebut bersama-sama dengan dua orang rakannya.

Semasa defendan memandu kereta Vios tersebut dengan nombor pendaftaran BAA 8740 di kawasan berhampiran Rimba Garden Central, defendan turut memandu dengan cuai sehingga merempuh kenderaan lain, iaitu lori pikap Isuzu.

Selepas terlibat kemalangan bersama lori pikap Isuzu, defendan meneruskan perjalanan di sepanjang Lebuhraya Tungku sehingga berada di persimpangan keluar menuju Institut Perkhidmatan Awam, defendan hilang kawalan terhadap kereta Vios dan merempuh penghalang jalan yang menyebabkan kereta Vios berhenti.

Defendan kemudian bertindak melarikan diri menuju Rumah Kembar Rimba, Gadong dan meninggalkan dua orang rakan beliau dalam kenderaan tersebut.

Defendan kemudian mendapati sebuah kereta Nissan Latio dan membawa lari kereta tersebut menuju ke jalan raya Jerudong, di mana beliau kemudian ditahan dan kereta Nissan Latio tersebut berjaya didapatkan semula. Defendan turut mempunyai rekod kesalahan curi pada tahun 2017.

## Lelaki tempatan didakwa dengan 7 pertuduhan



# Kepentingan pemuliharaan biodiversiti

Terjemahan oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
 Sumber : Brunei Darussalam's Voluntary National Review Report at the 2020 United Nations High-Level Political Forum  
 Foto : Jabatan Penerangan

## Usaha Serantau Dan Antarabangsa

**T**AMAN Warisan Tasek Merimbun seluas 7,800 hektar, yang diisytiharkan sebagai Taman Warisan ASEAN pada tahun 1984 di Negara Brunei Darussalam dianggap sebagai warisan semula jadi dan budaya. Taman tersebut yang merangkumi tadahan sungai kecil yang masuk ke tasik terbesar di negara ini, bukan hanya tempat perlindungan hidupan liar tetapi juga pusat rekreasi dan tempat untuk penyelidikan dan pendidikan. Taman Warisan ASEAN ini juga merupakan salah satu tempat perlindungan hidupan liar terbesar di negara ini dan berfungsi sebagai tempat bersarang bagi beberapa spesies jarang dijumpai dan terancam. Ia adalah salah satu Brunei Darussalam's Important Bird Areas (IBA) seperti yang disenaraikan oleh BirdLife International.

Untuk mengukuhkan lagi usaha negara dalam perlindungan dan pemuliharaan sumber hutan, Negara Brunei Darussalam telah menjanjikan 58 peratus dari keseluruhan

kawasan tanahnya untuk Inisiatif Heart of Borneo (HoB). Inisiatif HoB adalah inisiatif kerjasama merentasi sempadan secara sukarela antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia (Kalimantan) dan Malaysia (Sabah dan Sarawak), untuk memelihara biodiversiti yang ada di HoB untuk kepentingan kepada orang yang bergantung padanya.

Ini dilakukan melalui pengurusan sumber hutan yang berkesan dan pemuliharaan rangkaian kawasan hutan terlindung, hutan produktif dan penggunaan tanah lestari yang lain.

Sebagai tambahan, Negara Brunei Darussalam adalah negara ASEAN yang pertama menyumbang kepada Dana Biodiversiti ASEAN, yang menyediakan mekanisme pembiayaan yang mampan ke Pusat Biodiversiti ASEAN dan mengesahkan Perjanjian Penubuhan Pusat, tahun 2008. Negara Brunei Darussalam telah mengesahkan Konvensyen Kepelbagaian Biologi, tahun 2008, dan menjadi anggota ke-191, di mana kerajaan boleh mengukuhkan usaha dan strategi pemuliharaan berterusan mengenai penggunaan sumber biologi dan semula jadi secara lestari mengikut piawaian dan

komitmen negara dan antarabangsa.

Negara ini juga baru-baru ini menjadi anggota dalam Pertubuhan Kerjasama Hutan Asia (AFOCO) tahun 2018. AFOCO bertujuan untuk mengukuhkan kerjasama hutan serantau, menjalankan projek dan menterjemahkan dasar-dasar hutan yang kukuh dan teknologi yang terbukti menjadi tindakan dengan misi untuk memulihkan tanah hutan yang rosak dan mencegah penebangan hutan dan kemusnahan hutan dalam konteks Pengurusan Hutan Lestari dan juga di bawah skop yang lebih luas untuk menangani kesan perubahan iklim.

## Pendekatan Seluruh Negara BruWILD

Sebagai tambahan kepada projek 'Saving Our Ocean', BruWILD melakukan dua projek utama iaitu program pendidikan Eco-Pahlawan dan Projek Laporan dan Penyelamatan hidupan liar.

Program Eco-Pahlawan BruWILD melibatkan pelajar, guru dan orang ramai dalam memastikan prinsip pemuliharaan biodiversiti yang betul disampaikan dan diamalkan. Sehingga kini, BruWILD telah melibatkan ratusan pelajar di seluruh negara melalui pelbagai jayawara pendidikan, persidangan, dan kumpulan /

aktiviti remaja. Mereka berharap dapat memperluas pekerjaan mereka dengan berkolaborasi bersama rakan serantau untuk memberi impak yang lebih besar.

Sementara itu, Program Laporan dan Penyelamatan BruWILD membolehkan anggotanya yang terlatih menjalankan kerja penyelamatan dan pemulihan terhadap hidupan liar yang cedera, yang mana kebanyakannya adalah spesies yang terancam (seperti kongkang dan tenggiling). BruWILD berharap dapat mengendalikan Pusat Penyelamat Hidupan Liar Sinaut dengan sokongan Bahagian Hidupan Liar, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam lima tahun akan datang.

Sejak bermula program Laporan dan Penyelamatan BruWILD pada tahun 2014, BruWILD telah bekerjasama dengan Bahagian Hidupan Liar untuk menamatkan perburuan liar di Negara Brunei Darussalam. Meskipun mereka tidak memiliki kuasa untuk menangkap para pesalah, mereka mampu menjadi pengantara setiap laporan kegiatan perburuan liar yang dilaporkan oleh orang ramai melalui hotline mereka. BruWILD akan terus menyokong Bahagian Hidupan Liar melalui Program Laporan dan Penyelamatannya.



# INFO Teknologi

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail  
Foto : Ihsan [us.livescribe.com](http://us.livescribe.com),  
[amazon.co.uk](http://amazon.co.uk)

**E**CHO Smartpen adalah pen pintar yang diperkenalkan oleh Livescribe yang boleh merakam suara dan merekodkan tulisan. Ia mempunyai paparan skrin OLED 96 x 18 piksel dengan kamera *infrared* berkelajuan tinggi dan *processor* ARM 9. Dengan menggunakan buku catatan khusus, ia dapat merekodkan tulisan dan menyimpannya di dalam memori. Tulisan yang direkodkan boleh dipaparkan semula di komputer atau pen pintar ini. Ia dapat merakam audio lebih 400 jam (model 4GB) dan lebih 800 jam *recording time* (model 8GB) bergantung kepada kualiti audio. Pen pintar ini menggunakan bateri *lithium* yang boleh dicas semula.

Digunakan sebagai pen dan perakam suara yang menyimpan salinan digital nota dan rakaman awda, yang dapat dimainkan semula, disimpan ke komputer awda dan dikongsi dengan orang lain. Awda tidak perlu tertekan dengan tugas atau kerja awda. Dengan merakam semua yang awda dengar, katakan dan tulis, sambil menghubungkan rakaman audio awda ke nota awda. Mainkan semula audio dengan cepat dari kertas Livescribe, komputer, atau peranti mudah alih awda - semuanya dengan ketukan ringkas pada nota tulisan tangan awda.

### Bagaimana Menggunakan Pen Awda?

Apabila awda ingin mencatat dengan pen pintar awda, mulakan dengan pergi ke halaman dalam buku nota Livescribe awda. Hidupkan Echo Smartpen awda dan gunakan hujung pen untuk mengetuk butang 'rakam'. Echo Smartpen mula merakam dan awda boleh mula membuat nota. Sekiranya awda ingin menghentikan rakaman, klik berhenti dan apabila awda ingin menyambung semula, klik rakam sekali lagi dan Echo Smartpen akan meneruskan rakaman dari tempat ia berhenti.

Pen tersebut berfungsi dengan merakam lokasinya menggunakan titik-titik kecil di atas kertas. Livescribe merangkumi buku



# Echo Smartpen memudahkan tugas awda

nota kecil dengan pen itu sendiri dan awda boleh membeli buku nota tambahan dari syarikat.

Kertas titik Livescribe menggunakan kertas standard yang dicetak dengan corak titik yang unik yang membolehkan Echo Smartpen awda menangkap lokasi yang tepat dari semua yang ditulis atau dilukisnya. Walau bagaimanapun, Echo Smartpens Livescribe hanya berfungsi dengan kertas titik Livescribe.

### Kertas Titik Livescribe

Buku nota Livescribe menggunakan kertas biasa yang dicetak dengan corak unik

titik mikro kecil. Corak ini dipanggil DPS dan berfungsi seperti GPS untuk Echo Smartpen.

Kamera inframerah berkelajuan tinggi Echo Smartpen membaca corak titik, yang membolehkan pelbagai fungsi digital dan aplikasi berasaskan kertas. Buku nota kertas dot Livescribe dan aplikasi berasaskan kertas disediakan oleh Livescribe dengan harga yang setanding dengan produk kertas standard.

### Bolehkah Awda Menukar Livescribe Ke Dalam Bentuk Teks?

Livescribe bekerjasama dengan Vision Objects untuk mengembangkan perisian pengenalan tulisan tangan yang disebut MyScript for Livescribe yang mengubah tulisan tangan dakwat menjadi teks dalam 26 bahasa. Teks dapat disalin ke dalam beberapa aplikasi termasuk Microsoft Word atau pemproses kata lain, e-mel, fail teks dan banyak lagi.

### Bagaimanakah Cara Mencetak Kertas Livescribe?

Untuk mencetak dokumen kertas titik Livescribe pada helaian kertas pencetak biasa, awda memerlukan pencetak laser berwarna yang serasi dengan Adobe® PostScript® dan dapat mencetak pada 600dpi atau lebih tinggi. Halaman yang awda cetak akan berfungsi dengan Smartpen Sky Wi-Fi awda dengan cara yang sama seperti helaian kertas titik Livescribe yang lain.

Kemajuan teknologi pada masa kini memudahkan pengguna. Seperti Echo Smartpen ini, tugas awda akan menjadi mudah tanpa perasaan kluatir jika kehilangan nota-nota yang dibuat kerana Echo Smartpen ini dapat membantu awda.



# Dayang Phoebe Lim Tong Xin juara Pertandingan Kuiz ASEAN



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Shahrul Jeffri bin Dato Paduka Haji Ibrahim (dua, kiri) dan Pemangku Penolong Pengarah Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Hajidah binti Haji Abdul Wahab (dua, kanan) pada sesi bergambar ramai bersama para peserta Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Nasional Ke-9, 2020 yang diadakan secara dalam talian.

BERAKAS, Rabu, 2 Disember. - Hal Ehwal Antarabangsa Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Unit Akli, menganjurkan Pusingan Akhir Kuiz ASEAN Peringkat Nasional

Ke-9, 2020 secara dalam talian baru-baru ini.

Dayang Phoebe Lim Tong Xin dari Chung Hwa Middle School dinobatkan sebagai juara Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Nasional Ke-9, 2020 yang diadakan secara dalam talian.

Manakala Awang Mohamad Azeem Fahmi bin Haji Mohamad Asmayuddin dari Sekolah Sayyidina Hassan meraih naib juara, sementara Awang Chong Rui Ern dari Chung Ching Middle

Siaran Akhbar dan Foto :  
Jabatan Penerangan

School mendapat tempat ketiga. Hadir bagi menyaksikan pertandingan tersebut adalah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Shahrul Jeffri bin Dato Paduka Haji Ibrahim; dan Pemangku Penolong Pengarah Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Hajidah binti Haji Abdul Wahab.

Kuiz tersebut diadakan secara berperingkat, iaitu pusingan awal, pusingan separuh akhir dan pusingan akhir secara dalam talian.

Pusingan awal melibatkan 225 peserta, penglibatan yang tertinggi direkodkan sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 2002.

Seramai 10 peserta yang memperoleh markah tertinggi bertanding dalam peringkat akhir yang diadakan di Ibu Pejabat Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Tiga pemenang teratas akan mewakili Negara Brunei Darussalam untuk bertanding bersama kumpulan-kumpulan pemenang dari Negara-negara Anggota ASEAN yang lain di Kuiz ASEAN Peringkat Serantau Ke-9, 2020 yang akan diadakan secara dalam talian pada 16 hingga 17 Disember 2020.

Turut hadir, pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Penerangan dan Jabatan Pendidikan Kokurikulum serta guru - guru pembimbing.

## Bina semangat kerjasama dalam pasukan

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

MUARA, Rabu, 2 Disember. - Seramai 82 orang pelajar Tahun 6 Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SR YSHHB) menyertai Kempen Kebersihan di Pantai Muara sebagai salah satu aktiviti di bawah Program Kepimpinan Rakan Sebaya.

Program Kepimpinan Rakan Sebaya merupakan satu program yang dianjurkan sempena cuti penggal ketiga persekolahan untuk memberi pendedahan kepada pelajar Tahun 6 dan dihasratkan untuk melahirkan pelajar yang bersifat kepimpinan, membentuk nilai-nilai kerohanian dan murni dalam diri pelajar selain membina semangat kerjasama dalam

pasukan.

Para pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan kemudiannya menjalankan aktiviti mengutip sampah di persekitaran pantai tersebut sambil diawasi oleh guru-guru mereka. Turut dianjurkan ialah sesi permainan (*games*) sambil beriadah.

Menurut Guru Sains sekolah berkenaan, Shanju Najumunniza Ammal, setiap tahun, sekolah tersebut akan mengadakan aktiviti kebersihan serta menanam pokok bagi pelajar Tahun 6 kerana ia adalah termasuk dalam *syllabus* Sistem Pendidikan Abad 21 (SPN21) bagi mata pelajaran Sains.

Memandangkan wabak

COVID-19 yang melanda negara jelasnya bahawa aktiviti kebersihan dan menanam pokok tersebut tidak dapat dijalankan pada tahun ini, namun mereka mengadakan kempen kebersihan di Pantai Muara sahaja.

Melalui kempen kebersihan tersebut tambahnya, mereka berharap akan dapat memberikan pendedahan kepada para pelajar agar mencintai alam sekitar.

Program Kepimpinan Rakan Sebaya diadakan selama dua hari pada 1 dan 2 Disember 2020 dan ahli jawatankuasa program telah menyusun pelbagai aktiviti meliputi sudut kerohanian, sosial dan fizikal.

Semua aktiviti yang diadakan adalah dengan mematuhi segala Standard Operating Procedure (SOP) yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan.



PARA pelajar Tahun 6 Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah semasa menyertai Kempen Kebersihan di Pantai Muara.

## Manfaatkan kemudahan yang ada, bersama banteras AIDS

Dari muka 13

"Tujuan program ini adalah untuk mengembanguaskan lagi pengesanan jangkitan HIV dalam kalangan masyarakat (di luar daripada kemudahan Kementerian Kesihatan) bagi menggalakkan individu-individu yang mempunyai risiko jangkitan HIV untuk mendapatkan ujian HIV bagi pengesanan awal penyakit dan seterusnya mendapatkan rawatan yang sewajarnya, demi untuk menghalang penularan jangkitan HIV dan penyakit AIDS serta memperkukuhkan lagi pencegahan dan pengawalan jangkitan tersebut.

"Program ini juga adalah sebagai kesinambungan kepada program rintis yang telah dijalankan oleh Majlis AIDS NBD sebelum ini yang telah mendapat respons positif daripada kalangan masyarakat," ujar Yang Berhormat.

Dalam program ini, Yang Berhormat menyatakan individu-individu yang berkelayakan akan mendapat akses kepada ujian HIV secara percuma di klinik-klinik swasta yang menyertai program tersebut selama satu bulan (Disember 2020).

Ujian HIV ini adalah merupakan kaedah saringan tambahan untuk mengesan jangkitan HIV dalam kalangan masyarakat, di mana khidmat ini akan dapat memperkukuhkan lagi perkhidmatan ujian yang sedia ada untuk mengesan dan 'mendiagnos' HIV di pusat-pusat kesihatan dan hospital kerajaan, terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat turut menjelaskan, ujian saringan tersebut merupakan sejenis Point of Care Testing dengan menggunakan Rapid Test Kit, di mana individu yang menjalaninya akan dapat memperoleh keputusan ujian dalam jangka masa 15 ke 20 minit sahaja. Jika keputusan ujian saringan tersebut adalah positif, individu tersebut akan dapat dirujuk ke Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan bagi mendapatkan ujian pengesanan dan rawatan selanjutnya.

Ujian saringan tersebut, kata Yang Berhormat, akan dijalankan mulai daripada 3 Disember sehingga 31 Disember 2020 dan dibukakan kepada warganegara dan penduduk tetap NBD yang berumur 16 tahun ke atas.



# Pandemik boleh sebabkan lebih 72 juta kanak-kanak alami 'kemiskinan pembelajaran' - Bank Dunia

WASHINGTON, 3 Dis. - Penutupan sekolah disebabkan COVID-19 berisiko menyebabkan 72 juta lagi murid sekolah berdepan ancaman "kemiskinan pembelajaran" - bermakna mereka tidak boleh membaca dan memahami teks yang mudah pada usia 10 tahun, kata Bank Dunia pada Rabu.

Pandemik memburukkan lagi krisis pembelajaran global sedia ada, menurut dua laporan terbaharu Bank Dunia, yang menggariskan visi baharu pembelajaran serta pelaburan dan polisi yang diperlukan, termasuk mengenai teknologi pendidikan, lapor agensi berita Xinhua.

Peratusan murid sekolah di negara berpendapatan rendah

dan sederhana yang menghadapi kemiskinan pembelajaran meningkat kepada 63 peratus berbanding 53 peratus sebelum ini, menyebabkan generasi mereka ini nanti pada masa depan berisiko kehilangan sekitar US\$10 trilion pendapatan seumur hidup, bersamaan hampir 10 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) global.

Menurut laporan itu penutupan sekolah akibat COVID-19 menyebabkan kebanyakan pelajar di dunia tidak bersekolah. Ia mencecah 1.6 bilion pelajar pada April 2020, dan pada masa ini masih ada kira-kira 700 juta lagi pelajar.

Kesan negatif penguncupan ekonomi global yang belum

pernah terjadi sebelum ini terhadap pendapatan keluarga meningkatkan risiko keciciran sekolah dan kumpulan yang terpinggir cenderung ketinggalan jauh.

Justeru, sistem pendidikan terpaksa segera menerapkan inovasi dalam pembelajaran jarak jauh.

Bagaimanapun, jurang digital yang besar dan ketidaksamaan dalam kualiti sokongan ibu bapa

serta persekitaran pembelajaran di rumah meningkatkan ketidakseimbangan pembelajaran.

"Tanpa tindakan segera, generasi pelajar ini mungkin tidak dapat mencapai kemampuan dan pendapatan penuh mereka, dan negara akan kehilangan modal insan penting untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi jangka panjang," kata Naib Presiden Bank Dunia untuk Pembangunan Manusia Mamta Murthi pada

Rabu.

"Melalui tindakan berwawasan dan jelas, pembuat dasar dan pihak berkepentingan di seluruh dunia boleh menjadikan krisis sebagai rahmat untuk mengubah sistem pendidikan sehingga membolehkan semua kanak-kanak walau di mana jua mereka berada dapat menikmati pembelajaran yang sempurna dan menyeronokkan," kata Murthi. - ©BERNAMA

## 2020 antara tiga tahun terpanas dunia: Laporan PBB

GENEVA, 3 Dis. - Tahun 2020 tercatat sebagai satu daripada tiga tahun terpanas, dan 2011 hingga 2020 menjadi dekad paling hangat dengan enam tahun terpanas sejak 2015, kata Pertubuhan Meteorologi Dunia (WMO) pada Rabu.

Menurut laporan WMO mengenai keadaan Iklim Global pada 2020, haba laut berada pada tahap tinggi dan lebih 80 peratus lautan global adakalanya mengalami gelombang haba laut pada 2020.

Suhu purata (min) global Januari hingga Oktober 2020 adalah sekitar 1.2 darjah Celsius di atas garis dasar 1850-1900, menjadikan 2020 mungkin satu daripada tiga tahun terhangat di dunia, lapor agensi berita Xinhua.

Seperti gelombang panas di darat, panas melampau boleh mempengaruhi lapisan permukaan laut yang mungkin mengakibatkan beberapa peristiwa, termasuk kejadian berimpak tinggi seperti banjir, kemarau dan kebakaran, dan taufan tropika dan ribut.

Kira-kira 10 juta perpindahan dicatatkan pada separuh pertama 2020, sebahagian besarnya disebabkan bahaya dan bencana hidro-meteorologi, kebanyakannya tertumpu di Asia Selatan dan Asia Tenggara serta Afrika.

Walaupun dengan sekatan pergerakan COVID-19, kepekatan atmosfera gas rumah hijau terus meningkat, menjadikan pemanasan planet ini lebih lama sehingga generasi akan datang kerana karbon dioksida (CO2) yang lama di atmosfera, kata laporan itu.

COVID-19 juga menambahkan lapisan risiko lain untuk operasi pemindahan, pemulihan dan bantuan yang berkaitan dengan kejadian berimpak tinggi. - ©BERNAMA

## UAE lancar satelit Falcon Eye 2 ke angkasa

DUBAI, 3 Dis. - Emiriah Arab Bersatu (UAE) melancarkan satelit peninjau keempat, Falcon Eye 2, berlepas dengan roket Soyuz Rusia dari Pusat Angkasa Guiana di Guyana Perancis, lapor agensi berita Xinhua.

Menurut agensi berita WAM, Falcon Eye 2 yang dilengkapi sistem Pengimejan Resolusi Tinggi (HiRI) akan berada di orbit rendah bumi selama 10 tahun, merakamkan imej bumi untuk dihantar ke stesen kawalan.

Falcon Eye 2, satelit ke-12 milik UAE yang memasuki orbit. Seberat kira-kira 1,190 kilogram (kg) dan akan ditempatkan di orbit segerak matahari pada jarak 611 km dari bumi.

Direka untuk Angkatan Tentera UAE oleh konsortium Airbus Defence and Space dan Thales Alenia Space, Falcon Eye 2 akan menghantar data ke stesen kawalan bagi tujuan pemetaan, pemantauan pertanian, perancangan bandar dan pemantauan perubahan alam sekitar, membantu perancangan tindak balas untuk bencana alam, dan memantau sempadan darat dan pesisir pantai UAE.

Falcon Eye 2, satelit kedua untuk sistem satelit Falcon Eye. Satelit pertama, Falcon Eye 1, dilancarkan pada Julai tahun lalu tetapi hilang di angkasa setelah roket Vega Eropah yang membawanya tersasar dari orbit dua minit sejarus berlepas.

Pelancaran Falcon Eye 2 juga ditangguhkan beberapa kali sebelum ini berikutan cuaca buruk dan pandemik COVID-19. - ©BERNAMA

## AS sekatan import kapas dihasilkan XPCC

WASHINGTON, 3 Dis. - Amerika Syarikat (AS) pada Rabu melarang import produk kapas yang dihasilkan Xinjiang Production and Construction Corps (XPCC), susulan maklumat yang mendakwa terdapat kerahan tenaga buruh paksa, lapor Agensi Anadolu.

Jabatan Keselamatan Dalam Negeri berkata pegawai Kastam dan Perlindungan Sempadan (CBP) di semua pintu masuk akan menyekat penghantaran XPCC,

sebuah pertubuhan ekonomi dan separa tentera yang mendapat manfaat daripada barangan dihasilkan buruh paksa dari Wilayah Autonomi Xinjiang Uighur.

"Pejabat perdagangan CBP mengeluarkan arahan Perintah Pelepasan Tahan (WRO) terhadap produk kapas yang dibuat XPCC. Larangan itu tertakluk untuk semua kapas dan produk kapas dihasilkan XPCC dan entiti di bawahnya," kata agensi itu dalam

satu kenyataan.

Pada Julai, Washington menyenarai hitam XPCC, kerana didakwa turut terlibat dalam tindakan keras Beijing terhadap masyarakat Uighur Islam-Turki di Xinjiang. Turut disenarai hitam bekas pegawai operasi XPCC Sun Jinlong dan pegawai pemerintah China dan komandan XPCC Peng Jiari.

Bagaimanapun, China berulang kali menafikan tuduhan itu. - ©BERNAMA

## Pembelian dalam talian Korea Selatan meningkat 20 peratus ketika pandemik

SEOUL, 3 Dis. - Pembelian dalam talian di Korea Selatan meningkat 20 peratus pada Oktober berbanding tahun sebelumnya, ketika pandemik COVID-19 mendorong orang ramai membeli barangan menerusi platform e-dagang, menurut data dikeluarkan pada Khamis, lapor Agensi Berita Yonhap.

Menurut data Statistik Korea, nilai transaksi dalam talian berjumlah 14.2 trilion won (US\$12.9 bilion) pada Oktober, berbanding 11.9 trilion won tahun lalu.

Pembelian dalam talian meningkat tahun ini disebabkan

orang ramai tidak berkunjung ke kedai kerana bimbang risiko jangkitan.

Jualan dalam talian perkhidmatan penghantaran makanan melonjak 71.6 peratus dari tahun sebelumnya kepada 1.56 trilion won berikutan permintaan pelanggan di rumah. Penjualan makanan dan minuman juga meningkat 43.8 peratus kepada 1.7 trilion won.

Data menunjukkan, jualan dalam talian barangan elektronik meningkat 39.6 peratus kepada 1.72 trilion won.

Namun penjualan dalam talian

untuk perkhidmatan perjalanan berkaitan budaya dan rekreasi pada Oktober menurun kerana COVID-19.

Penjualan barang-barang berkaitan perjalanan merosot 52.6 peratus kepada 679.6 bilion won, sementara perkhidmatan budaya dan rekreasi turun 60.4 peratus kepada 74.2 bilion won.

Pembelian menggunakan telefon pintar, tablet dan peranti mudah alih lain meningkat 22.9 peratus kepada 9.54 trilion won merangkumi 66.9 peratus daripada jumlah nilai pembelian dalam talian. - ©BERNAMA

## Defisit perdagangan perkhidmatan China berkurangan

BEIJING, 4 Dis. - Defisit perdagangan perkhidmatan China berkurangan, manakala nisbah perdagangan perkhidmatan berintensifkan pengetahuan meningkat dalam 10 bulan pertama tahun ini.

Menurut maklumat Kementerian Perdagangan China, jumlah import dan eksport perkhidmatan menurun 16.1 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu, dengan mencatat RMB3.726 trilion (RM2.312 trilion) berikutan impak

negatif pandemik COVID-19 dan faktor lain, mengakibatkan defisit perdagangan perkhidmatan menurun 51.1 peratus kepada RMB627.88 bilion (RM389.54 bilion).

Pada masa sama, jumlah import dan eksport perkhidmatan berintensifkan pengetahuan pula meningkat 8.3 peratus kepada RMB1.639 trilion (RM1.017trilion) dengan nisbahnya dalam jumlah import dan eksport perkhidmatan

menokok kepada 44 peratus.

Selain itu, import dan eksport perkhidmatan pelancongan China mencatatkan penurunan ketara disebabkan kesan negatif wabak.

Jika perkhidmatan pelancongan dikecualikan, jumlah import dan eksport perkhidmatan China meningkat 2.3 peratus yang menyaksikan eksport meningkat 4.8 peratus manakala import setanding dengan tempoh sama tahun lalu. - ©BERNAMA

# Sukan

## INFO SUKAN

PERSATUAN Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) telah melantik Datuk K. Rajagopal dari Malaysia sebagai Ketua Jurulatih baharu pasukan kebangsaan Brunei Darussalam bagi tempoh dua tahun. Jurulatih yang baru dilantik akan memacu pemain kebangsaan untuk bersaing di kejohanan peringkat serantau mahupun antarabangsa terutama dalam pusingan kelayakan Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFF) Piala Suzuki.



ePaper Pelita Brunei

## Kejohanan badminton bagi Daerah Temburong berakhir



**PEMANGKU** Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim menyampaikan hadiah kepada johan Beregu Lelaki pada Kejohanan Badminton Shuttle Time Brunei Remaja di Bawah 13 Tahun bagi Daerah Temburong.

**BANGAR**, Jumaat, 4 Disember. - Kejohanan Badminton Shuttle Time Brunei Remaja di bawah 13 tahun diadakan di keempat-empat daerah dan bagi Daerah Temburong berakhir pada hari ini sejak perlawanan tersebut dimulakan pada 2 Disember lalu. Kejohanan yang berlangsung di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan menerima 11 penyertaan, iaitu lapan Beregu Lelaki dan tiga

Beregu Perempuan. Bagi Kategori Lelaki, format permainan menggunakan *double knock out* dan Kategori Perempuan menggunakan format *round robin*.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian hadiah ialah Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Dalam perlawanan akhir Beregu Lelaki, pasangan Hazery Hazimie anak Bugin dan Muhammad Nur Hakim bin Haji Mokhsin menewaskan pasangan adik-beradik, Muhammad Adi Yusra Waliyuddin bin Yusof dan Muhammad Adi Yusri Waliyuddin bin Yusof dengan kiraan 2-0, sekali gus menyandang juara.

Manakala Beregu Perempuan dimenangi oleh pasangan Evy Cheryl binti Udan dan Sukrinah Amelda setelah mengalahkan pasangan Ampuan Nurul Wafiqah Qaisarah Qistina dan Nur Qalesya Raqibah dengan 2-1.

Johan menerima pingat emas dan hadiah BND120, naib johan pula menerima pingat perak dan hadiah BND100, manakala tempat ketiga pula menerima pingat gangsa dan hadiah BND80.

Kejohanan Badminton Shuttle Time Brunei Remaja di bawah 13 tahun diadakan di keempat-empat daerah pada tarikh berlainan. Bagi Daerah Tutong, perlawanan telah pun bermula pada 2 Disember yang lalu dan akan berakhir pada Sabtu, 5 Disember.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, perlawanan akan diadakan bermula 9 Disember sehingga majlis penutup dan penyampaian

**Berita dan Foto :**  
Hernie Suliana Haji Othman

hadiah pada 11 Disember dan untuk Daerah Belait pula, perlawanan akan bermula pada 9

hingga 11 Disember dan berakhir pada 13 Disember bagi acara penutup.



**SEBAHAGIAN** daripada aksi dalam peringkat akhir Kejohanan Badminton Shuttle Time Brunei Remaja di bawah 13 tahun bagi Daerah Temburong.

## Peserta kursus terima sijil

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BERAKAS**, Jumaat, 4 Disember. - Seramai 16 peserta yang mewakili kelab-kelab dan akademi-akademi bola sepak tanah air berjaya menamatkan Kursus Kejurulatihan NFABD Sijil C anjuran Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) dengan kerjasama Asian Football Confederation (AFC).

Majlis penutup dan penyampaian sijil-sijil kepada para peserta kursus disempurnakan pagi tadi oleh Presiden NFABD, Pengiran Haji Matusin bin Pengiran Haji Matasan berlangsung di Hotel Mulia. Kursus dijayakan oleh empat tenaga pengajar dan diketuai oleh Jurulatih, Mohd. Ikmarol Izzat

Haji Omar.

Pengarah Teknikal NFABD, Sivaji Narayanan semasa berucap pada majlis tersebut antaranya menyatakan bahawa pihak NFABD berhasrat untuk menganjurkan lebih banyak lagi kursus di masa akan datang dan kursus yang baru dianjurkan ini merupakan satu pencapaian bagi NFABD dan mereka berbangga kerana para peserta serta tenaga pengajarnya terdiri daripada anak-anak tempatan.

Beliau turut menekankan bahawa sebagai seorang jurulatih, menepati masa (*punctual*) amatlah mustahak.

Para peserta yang kini mempunyai Sijil Kelas C jelasnya,

mempunyai peluang yang cerah kerana mereka telah mempelajari pelbagai kemahiran melalui kursus berkenaan, tinggal hanya mereka perlu bijak menjadikan diri sendiri *employable* dan *marketable*.

Beliau seterusnya mengucapkan setinggi tahniah kepada para peserta dan menyeru agar mereka dapat mengamalkan apa jua yang telah mereka pelajari sepanjang kursus dan seterusnya membuat perubahan dan pembaharuan serta bersedia untuk gagal.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ahli-ahli Eksekutif Komite NFABD.

**PRESIDEN NFABD**, Pengiran Haji Matusin bin Pengiran Haji Matasan (kiri) menyampaikan sijil kepada peserta yang berjaya menamatkan Kursus Kejurulatihan NFABD Sijil C NFABD.



**BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)**

**AMALKAN SIFAT BERDISIPLIN, BERSOPAN SANTUN, HORMAT-MENGHORMATI, BERTOLAK ANSUR DI JALAN RAYA**

دتریبیتکن اوله جابتن قنراغن، جابتن فردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نکارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam